

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 164 ● 13 - 19 MEI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



Culvert peninggalan British antara punca banjir kilat

SHAHIDAN bersama pimpinan DBKL melawat kolam tadahan banjir Taman Wahyu, Kuala Lumpur baru-baru ini.
—Foto Pejabat Menteri

EKSKLUSIF!

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengenal pasti dan meneliti dengan terperinci punca banjir kilat di setiap lokasi 25 lokasi panas bagi mencari penyelesaian supaya kawasan tersebut bebas dari masalah tersebut. Ikuti laporan khas wartawan kanan Wilayahku Azlan Zambry yang mengupas isu banjir kilat di Kuala Lumpur di muka surat 2, 9, 10, 11.

Sidang Kemuncak ASEAN-AS

Ismail Sabri bertemu Joe Biden

DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob tiba di Washington D.C Selasa untuk lawatan kerja empat hari termasuk pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden dan pemimpin ASEAN.

Perdana Menteri akan menyertai Biden, Naib Presiden AS, Kamala Harris dan pemimpin ASEAN lain dalam Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Amerika Syarikat yang berlangsung selama dua hari di Washington D.C, bermula Jumaat.

Presiden Biden akan menghoskan majlis makan malam untuk pemimpin ASEAN di

Rumah Putih.

Ia diikuti pertemuan presiden AS dengan pemimpin ASEAN di Jabatan Negara AS, tempat sidang kemuncak khas pada Sabtu.

Sidang kemuncak khas itu menandakan ulang tahun ke-45 hubungan dialog ASEAN-AS dan sidang kemuncak khas kedua yang dian-



ISMAIL SABRI

JOE BIDEN

jurkan oleh presiden AS di negara ini selepas presiden ketika itu Barack Obama mengalaukan pemimpin ASEAN di Sunnylands, California pada Feb 2016.

Ismail Sabri bersama pemimpin ASEAN juga akan menyertai perbincangan dengan Naib Presiden Harris di Jabatan Negara pada hari Jumaat (Sabtu

di Malaysia).

Perdana Menteri juga akan bertemu Setiausaha Perdagangan AS, Gina Raimondo dan Wakil Perdagangan AS, Katherine Tai.

Ismail Sabri juga dijadualkan bertemu ketua-ketua industri Amerika serta Majlis Perniagaan dan Dewan Perniagaan AS-ASEAN.

Beliau juga akan mengambil peluang bertemu diaspora Malaysia semasa majlis Hari Raya Aidilfitri Keluarga Malaysia di Amerika Syarikat. - BERNAMA

Culvert British tutup sungai untuk bina Taman Tasik Perdana

ANTARA masalah yang menyebabkan Kuala Lumpur sering mengalami banjir kilat adalah tindakan pentadbiran British pada masa lalu yang membina culvert (saluran air bawah tanah) di sebatang sungai sehingga menyebabkan ia tidak di selenggara untuk tempoh masa yang lama.

Sungai Bras-Bras bukanlah nama yang popular di Kuala Lumpur tapi sungai ini yang mengalirkan air dari Damansara, melalui kawasan Jalan Parlimen, kemudian ia mengalir ke Taman Botani dan ia terus ke KL Sentral, sebelum masuk ke Sungai Kelang.

"Ia adalah sungai yang besar dan telah ditutup dengan culvert oleh British dahulu untuk membolehkan mereka membina Tasik Perdana yang kini dikenali sebagai Taman Botani Perdana," kata Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim selepas melawat Kolam Takungan Delima di Taman Wahyu pada Selasa.

Perkara ini telah lama dan tidak diketahui oleh orang ramai di mana pihak British membina culvert yang berdiameter 15 kaki persegi.

Jelas Shahidan, ekoran pembinaan culvert di atas permukaan Sungai Bras-Bras itu, ia telah menyukarkan pihak DBKL untuk membuat kerja-kerja penyelenggaraan dan ia mungkin menjadi punca kawasan sekitar Jalan Parlimen menghadapi banjir kilat.

"Air dari Sungai Bras-Bras ini seringkali over flow dan melimpah balik di Jalan Parlimen. Kita akan lihat punca yang menyebabkan ia berlaku sebelum tindakan susulan diambil," katanya.

Hadir sama meninjau Kolam Takungan Delima di Taman Wahyu bersama Shahidan adalah Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Sulaiman Mohamed serta wakil daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Menurut Shahidan lagi, pihaknya juga telah mengenal pasti 25 lokasi panas (hot spot) banjir kilat dan telah menempatkan kira-kira 20 kakitangan untuk memantau sebarang kemungkinan.

"Kalau sekiranya banjir berlaku, kita akan kerahkan kakitangan untuk membantu untuk memastikan



CULVERT jenis armco pipe berkeluasan diameter 15 kaki persegi menyebabkan ia tidak diselenggara untuk tempoh yang lama.

kan aliran air lancar menggunakan pam," katanya.

Beliau berkata, untuk menyelesaikan masalah tersebut, beberapa perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang akan dilakukan supaya bandar raya ini bebas dari banjir kilat.

"Untuk perancangan jangka pendek adalah dengan pelaksanaan 14 inisiatif interim seperti yang terkandung di dalam Pelan

Tindakan Tebakan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022.

"Untuk jangka masa sederhana, DBKL akan membina kolam takungan di tempat yang boleh mengalirkan air daripada hot spot tadi. Ia termasuk membina kolam takungan di bawah dan di atasnya boleh dibina padang bola dan sebagainya.

"Untuk perancangan jangka masa panjang, mungkin melibat-



SUNGAI Bras-Bras ditutupi culvert yang dilakukan sewaktu era pentadbiran British untuk membangunkan Taman Tasik Perdana.

kan pembinaan infrastruktur lain yang boleh mengalirkan air terus ke Sungai Klang," katanya.

Dalam pada itu, Shahidan berkata, terdapat beberapa kelulusan pembinaan yang telah dibuat dalam pentadbiran yang lepas yang berhampiran dengan kolam takungan akan dinilai semula.

"Saya telah meminta kepada Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Wilayah Persekutuan

(KWP) untuk membuat kajian semula dan DBKL telah memaklumkan bahawa kawasan ini tidak dibenarkan untuk membuat pembangunan.

"Kita juga hendak beritahu bahawa semua kawasan tasik dan rekreasi akan diwartakan dan tidak akan dibenarkan untuk sebarang aktiviti pembangunan di kawasan itu selama-lamanya," katanya. **WK**



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim meninjau kemajuan projek tebakan banjir Taman Botani Perdana yang merupakan sebelum ini dikenali sebagai Sungai Bras-Bras sebelum ia ditutupi culvert.



KEADAAN struktur Culvert yang menutupi Sungai Bras-Bras dan menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan.

REAKSI



NESADAVI A/P KULLEN, 58
Pengunjung

HARI ini saya bersama lima orang ahli keluarga dengan berpakaian sari hadir meraikan Aidilfitri. Walaupun sesak dengan kehadiran ramai pengunjung tanpa henti, saya berpuas hati dengan layanan diberikan oleh pihak pengawal keselamatan dan penyambut tetamu yang memberi keutamaan untuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU) di laluan khas disediakan.



MOHD AKMAL MUSTAPA, 65
Pengunjung

SAYA sudah berada di sini seawal pukul 7.30 pagi bersama isteri serta anak dan ketika itu sudah ramai pengunjung yang beratur tetapi Alhamdulillah saya bernasib baik kerana diberi keutamaan di laluan warga emas. Selain itu, majlis kali ini lebih tersusun berbanding tahun sebelumnya kerana ia mengikuti prosedur operasi standard (SOP) dan setiap khemah makanan juga dijarakkan untuk memudahkan pengunjung mengambil makanan.



CHOW TEKJIN, 46
Pengunjung

SETELAH dua tahun tidak dapat merayakan Aidilfitri, tahun ini kita berpeluang meraikan bersama-sama pengunjung yang terdiri daripada pelbagai kaum termasuk pelancong asing dengan suasana yang cukup meriah di Rumah Terbuka Perdana Menteri.

Pengunjung beratur seawal pukul 7 pagi

Sambutan luar biasa di Seri Perdana

HAZIRAH HALIM

LEBIH 100,000 pengunjung daripada pelbagai kaum dan agama hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri dan Anggota Jemaah Menteri 2022 di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, Ahad lalu.

Berikut sambutan luar biasa itu, majlis yang sepatutnya dijadualkan bermula 10 pagi hingga 4 petang itu dimulakan lebih awal sekitar pukul 9.30 pagi dan dilanjutkan sehingga 6 petang susulan ramai pengunjung tidak putus-putus menghadiri majlis serta sanggup beratur lama untuk bertemu pemimpin kerajaan tersebut.

“Sambutan di luar jangkaan pada hari ini telah melebihi anggaran awal iaitu 70,000 pengunjung dan para pengunjung juga dibenarkan masuk lebih awal pada pukul 9.30 pagi berikutan mereka mulai beratur di pintu pagar Kompleks seawal pukul 8 pagi.

“Majlis yang sepatutnya berakhir pada pukul 4 petang juga dilanjutkan sehingga pukul 6 per-

tang kerana saya tidak sampai hati melihat Keluarga Malaysia beratur panjang menunggu giliran untuk bertemu saya dan barisan Jemaah Menteri

“Kita mensasarkan 70,000 orang tetapi saya dimaklumkan lebih daripada 100,000 pengunjung hadir pada hari ini,” jelas Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** ketika ditemui media selepas selesai sesi beramah mesra bersama pengunjung di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri.

Dalam pada itu, beliau turut menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia termasuk pelancong asing di atas kesudian menghadiri majlis rumah terbuka bagi meraikan Aidilfitri bersama-sama.

“Saya juga ingin ucapan terima kasih kepada pihak yang bertugas menyediakan makanan serta penyambut tetamu. Terima kasih juga kepada petugas media kerana menghebahkan rumah terbuka ini lebih awal sehingga menyebabkan ramai pengunjung hadir pada hari ini,” ujarnya.



SALAH seorang pengunjung berpeluang bertemu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) dan barisan Jemaah Menteri lain mengikut slot masa tertentu dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri 2022, 8 Mei (Ahad) lalu.

Majlis rumah terbuka bertemakan ‘Raya Keluarga Malaysia, Syawal Dirai, Nikmat Disyukuri’ itu merupakan yang pertama dihoskan Ismail Sabri selepas dilantik sebagai Perdana Menteri pada 20 Ogos 2021 bersama barisan kabi-

net beliau.

Tinjauan wartawan mendapati, ketibaan Ismail Sabri bersama isterinya, Datin Seri Muhamain Zainal Abidin sekitar pukul 10 pagi itu mengukir senyuman di wajah pengunjung apabila mereka berpeluang

berbual, beramah mesra, bersalam dan bergambar bersama beliau serta barisan Jemaah Menteri sehingga majlis selesai.

Majlis ini turut diserikan dengan kunjungan daripada Yang Dipertuan-Agong, Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Billah yang berkesempatan melihat kemeriahan majlis dan beramah mesra dengan orang ramai yang sedang menikmati hidangan di meja.

LAGI GAMBAR DI MUKA 13

Pada majlis itu, para tetamu yang hadir disajikan dengan lebih 40 jenis hidangan tradisional berkoncepkian layan diri sambil diserikan dengan nyanyian lagu raya daripada band terlibat.

Susulan penularan wabak COVID-19, rumah terbuka ini dihentikan selama dua tahun. Kali terakhir ia diadakan pada 5 Jun 2019 di Seri Perdana dan dihoskan Perdana Menteri ketika itu iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad bersama barisan kabinet beliau. **W** **K**

Rakyat Malaysia di UK teruja raikan Aidilfitri Keluarga Malaysia

Daripada HARLINA SAMSON

TAMPIL segak dengan berbaju Melayu dan anggun memakai baju kurung serta pakaian tradisional lain, terpancar keceriaan dan rasa teruja di wajah para tetamu yang menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Keluarga Malaysia di London, Selasa.

Seakan berada bersama ahli keluarga dan suasana sambutan Aidilfitri di tanah air, sebagian daripada 300 rakyat Malaysia yang menghadiri majlis Keluarga Malaysia di sini ternyata tidak lepaskan peluang bertanya khabar antara satu sama lain selepas sekian lama tidak bertemu dan merakaikan ‘Rumah Terbuka Hari Raya’ berikut pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu.

Majlis sambutan Hari Raya Keluarga Malaysia bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan delegasi Malaysia menjadi manifestasi kerukunan dan hubungan rapat masyarakat majmuk Malaysia.

Kehadiran Ismail Sabri, yang dalam perjalanan ke Washington DC bagi menghadiri Sidang Kemuncak



ISMAIL Sabri Yaakob (kanan) beramah mesra bersama Keluarga Malaysia yang menetap di United Kingdom pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada Selasa.

Khas ASEAN-Amerika Syarikat, berada di ibu kota England untuk melawat Pameran Tenun Pahang Diraja dan sambutan hari raya itu, turut mengubat rindu mereka kepada tanah air dan juadah hidangan Malaysia.

“Saya gembira melihat hubungan Keluarga Malaysia yang begitu

rapat tanpa mengira kaum, tanpa mengira agama. Semangat Keluarga Malaysia bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negara. Saya bangga dengan apa yang saya lihat di London,” katanya kepada wartawan Malaysia di sini.

Perdana Menteri berkata kehadiran ramai rakyat Malaysia yang

menetap di United Kingdom pada majlis itu mengujakannya dan beliau bangga melihat hubungan erat rakyat Malaysia antara satu sama lain tanpa mengira kaum dan agama bukan sahaja dalam kalangan penuntut, pekerja Malaysia tetapi juga dalam kalangan rakyat Malaysia di sini.

“Inilah sebenarnya impian saya untuk melihat rakyat Malaysia sebagai satu keluarga besar yang kita panggil keluarga Malaysia,” katanya yang meluangkan masa kira-kira tiga jam pada majlis itu untuk bertanya khabar dan beramah mesra dengan para hadirin.

Bagi pakar bedah, Dr Nur Amalina Che Bakri, 35, yang sudah menetap di Victoria, United Kingdom sejak 18 tahun lalu, rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum perlu bersama-sama untuk membina Keluarga Malaysia, sekali gus merealisasikan hasrat menjadi Malaysia sebagai negara maju.

Sementara itu, penuntut tahun akhir bidang seni bina di De

Monfort University Leicester, Farah Salim berkata berjauhan daripada keluarga dan berhari raya di perantauan adalah suatu pengalaman yang mengajarnya menjadi lebih matang untuk melaiki bahtera kehidupan.

“Dapat menghadiri sambutan Hari Raya Keluarga Malaysia ini amat menceriakan kerana saya dapat berkenalan dengan ramai orang apatah lagi bertemu dan bersalam dengan Perdana Menteri dan pemimpin negara yang lain,” katanya.

Majlis sambutan itu turut dihadiri sekumpulan penuntut bukan Islam Malaysia termasuk yang sedang melanjutkan pengajian di Oxford, kira-kira dua jam perjalanan dari London.

Antara mereka ialah Isabel Lee dan Ethan Saw, kedua-duanya berusia 19 tahun yang belajar dalam bidang falsafah, politik dan ekonomi di University of Oxford serta Samantha Lee, 21, penuntut bidang pergigian di Barts and The London School of Medicine and Dentistry. - BERNAMA

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



REAKSI



MOHD IMRAN OMAR, 37
Pengunjung



MOHD SYAMIL ZALI, 27
Pengunjung



MADAM LIM, 56
Pengunjung

SEAWAL pukul 8 pagi anak-anak saya sudah bangun bersiap kerana mereka tidak sabar untuk bertemu 'Ketua Kerajaan' atau Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan memandangkan ini merupakan kali pertama kami sekeluarga hadir ke Rumah Terbuka PM, jadi kami merancang memakai baju sedondon berwarna biru sesuai dengan tema Hari Raya.

APABILA ternampak posting di Facebook, saya terus mengajak isteri untuk datang ke sini. Sekitar pukul 10.30 pagi kami beratur menunggu giliran untuk masuk ke dalam Kompleks. Perasaan teruja tidak dapat diungkapkan kerana ini merupakan pengalaman pertama kami menghadiri Rumah Terbuka Perdana Menteri selain berpeluang bertemu depan dengan barisan Jemaah Menteri.

MESKIPUN berbangsa cina, saya berasa amat gembira kerana dapat hadir meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama umat Islam di Rumah Terbuka PM selepas dua tahun tersekat susulan wabak COVID-19. Saya juga dapat menikmati hidangan seperti ketupat, rendang, lemang dan banyak lagi sambil dihiburkan dengan lagu hari raya. Suasana inilah yang sudah lama dirindukan oleh masyarakat Malaysia.

Pancaran semangat Keluarga Malaysia

HAZIRAH HALIM

MENTERI Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** bersyukur Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri dan Anggota Jemaah Menteri 2022 berjalan lancar sekali gus menzahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh Keluarga Malaysia yang hadir ke majlis tersebut.

Beliau berkata, ini adalah peluang berharga buat seluruh rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama untuk bersama-sama meraikan perayaan Hari Raya Aidilfitri selepas dua tahun tersekat susulan pelaksana-

aan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penularan wabak COVID-19.

"Hari ini (Ahad), saya berkesempatan mengunjungi Rumah Terbuka Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan menyambut hari raya bersama seluruh warga Malaysia. Setelah dua tahun tidak dapat mengadakan rumah terbuka, apabila ia dibuat oleh PM, sambutan dan kehadiran daripada pengunjung amat menggalakkan," katanya kepada *Wilayahku*.

Pada majlis tersebut, beliau bersama Ismail Sabri dan tiga orang jemaah menteri iaitu Senator Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin; Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu

serta Tan Sri Datuk Seri Mohd Zuki Ali menyerahkan duit raya kepada pengunjung yang beratur di hadapan pentas utama ketika se-si beramah mesra bermula pukul 3 petang sehingga majlis selesai.

Sementara itu, Shahidan memaklumkan program-program Hari Raya Aidilfitri di peringkat Wilayah Persekutuan (WP) turut dilaksanakan bermula minggu ini.

"Di peringkat Wilayah, kita mengadakan Hari Terbuka Wilayah Persekutuan, program Aidilfitri Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan ada juga bahagian-bahagian tertentu yang turut mengadakan Majlis Hari Raya," jelasnya. **WK**



YANG DiPertuan Agong turut berkesempatan meluangkan masa melihat kemeriahan majlis dan beramah mesra dengan pengunjung.



LEBIH 100,000 pengunjung dalam dan luar negara hadir memeriahkan majlis Rumah Terbuka Perdana Menteri dan barisan Jemaah Menteri 2022 pada 8 Mei (Ahad) lalu.



SALAH seorang pengunjung warga emas berkerusi roda ditemani anaknya menerima duit raya daripada Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (dua kanan) dan isterinya, Datin Seri Shamsiah Md Yassin (tengah) ketika sesi beramah mesra Ahad lalu.



SEAWAL pukul 8 pagi, pintu pagar Kompleks Seri Perdana, Putrajaya sudah dibanjiri ratusan pengunjung dari seluruh negeri di Malaysia.

CERITA KEDAI KOPPI

Sambutan Aidilfitri 'bersejarah'

SUDAH dua minggu kawan-kawan Kedai Kopi tidak bertemu dengan pembaca. Akbar Wilayahku kesayangan ramai berehat dua keluaran bagi memberi peluang kepada kikitangan yang begitu berdedikasi untuk berehat dan cuti balik kampung untuk bersama keluarga sempena Hari Raya Aidilfitri 2 Mei lalu.

Sehubungan itu kawan-kawan Kedai Kopi merasakan belum terlambat mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua pembaca budiman. Semoga lebaran kali ini disambut dengan gembira dan penuh ceria, di mana juga pembaca berada.

Aidilfitri tahun ini boleh dianggap bersejarah. Inilah kali pertama boleh balik kampung berhari raya setelah dua kali hari raya sebelum ini tidak dapat berbuat demikian kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.

Tiada lagi sekatan berkumpul atau kunjung-munjung apabila negara memasuki fasa endemik mulai 1 April. Kehidupan rakyat juga bertambah baik lantaran sektor ekonomi dibuka sepenuhnya dan dengan itu lebih banyak peluang

pekerjaan terbuka.

Kawan-kawan Kedai Kopi masih ingat betapa sukarlah kehidupan dilalui apabila ramai orang hilang perkerjaan apabila sektor ekonomi ditutup. Banyak perniagaan gulung tikar dan akibatnya ramai menjadi pengangguran.

Kerana itu Aidilfitri tahun ini disambut dalam suasana lebih ceria kerana boleh berkumpul dan bertemu muka, diserikan dengan serta kedudukan ekonomi yang semakin mantap membolehkan rakyat mempunyai kuasa membeli lebih baik.

Sambutan hari raya bukan sahaja detik untuk bergembira bersama keluarga dan saudara mula serta handai taulan, tetapi yang lebih penting ialah memastikan jalinan ikatan silaturahim bertambah erat. Yang jauh didekati, yang dekat menjadi semakin rapat.

Kawan-kawan Kedai Kopi dapat melihat sendiri kekentalan azam warga kota untuk balik kampung walau terpaksa menempuh laluan yang sesak akibat terlalu banyak kenderaan. Penat lelah dan masa dihabiskan di perjalanan tidak terasa kerana hati sangat gembira balik kampung berhari raya.

Namun ini bukan bermakna kerajaan ambil lewat atau kurang memberi fokus kepada COVID-19. Sebaliknya pemerhatian, pemantauan dan aspek rawatan tetap diberi perhatian utama. Syukur dengan izin Allah, suntikan vaksin dan booster telah banyak membantu mengekang penularan.

Memasuki fasa endemik juga menyaksikan

tiada lagi PKP akan dikenakan sementara sektor ekonomi dibuka seluas-luasnya.

Kawan-kawan Kedai Kopi perhatikan, angka jangkitan kes baharu juga menampakkan trend penurunan. Kebanyakan kes pula dalam kategori ringan, iaitu kategori 1 tanpa gejala dan kategori 2 dengan gejala ringan.

Kita semua sama-sama bertanggungjawab memastikan kadar ini terus menurun. Banyak keperluan prosedur operasi standard (SOP) sudah dimansuh seperti penjaraan fizikal dan memakai pelitup muka di luar. Namun memakai pelitup muka di dalam bangunan masih wajib. Patuhilah peraturan ini demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Kawan-kawan Kedai Kopi doakan semoga kita semua serta negara tercinta ini dilindungi oleh Allah. Semoga bahana COVID-19 akan berlalu pergi dan tahap jangkitan menurun ke paras paling minimum.

Food court baru di Bangsar

WARGA Kuala Lumpur, khususnya penduduk Lucky Garden, Bangsar, kini mempunyai tempat menjamu selera atau food court baru di Lorong Ara Kiri 3, Bangsar.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan melalui laporan media, food court yang berharga RM920,000 ini disasar beroperasi pada bulan ini

jugalah. Tidak sabar rasanya kawan-kawan Kedai Kopi untuk berkunjung ke situ beramai-ramai bersantai sambil makan minum.

Dilaporkan, tempat menjamu selera ini mempunyai 18 lot niaga yang menyajikan pelbagai jenis makanan, termasuk gerai kari kepala ikan yang memang menjadi kegemaran ramai.

Tempat menjamu selera itu juga dilengkapi dengan 29 meja, siap dengan set kerusi panjang yang boleh memuat sehingga empat orang. Pada waktu puncak, mungkin akan berlaku sedikit masalah mendapatkan tempat duduk.

Persekutuan food court juga lebih selesa dan tersusun, di samping menyediakan kemudahan asas untuk orang ramai seperti tandas dan surau. Ini menampakkan sikap prihatin Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam perancangan pembinaan food court tersebut dahulu.

Memandangkan premis menjamu selera ini berkonsepkan gerai makanan, harga makanan dijangka dalam kemampuan semua orang. Ini sesuai dengan konsep tempat makan seperti ini yang selalunya menjadi pilihan orang ramai datang bersama keluarga menjamu selera.

Menurut DBKL, operasi tempat menjamu selera Lorong Ara Kiri 3 ini akan dimaklumkan sebaik sahaja semua kerja yang berkaitan selesai dijalankan. Beramai-ramailah nanti menjamu selera di sini.

JOM
**CUTI-CUTI
MALAYSIA!**



**PELAN
PEMULIHAN
PELANCONGAN
2022
(PRE2.0)**



MELALUI

PERSATUAN PELANCONGAN



DAPATKAN !

Penebusan Baucar
Pakej Pelancongan Domestik

di Aplikasi SHOPEE



Shopee

Diskaun RM100 dengan pembelian
pakej RM200 ke atas



Tempoh kempen
29 April - 31 Oktober 2022

*Tertakluk pada terma dan syarat



www.malaysia.travel

Aidilfitri yang menginsafkan



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

FENOMENA beraya di jalan raya kembali seperti sebelum ini apabila berjuta perantau dari Kuala Lumpur pulang menyambut Aidilfitri di kampung halaman.

Amalan yang menjadi tradisi dalam kalangan perantau kota ini terhenti selama dua tahun sejak 2020 akibat pandemik COVID-19.

Kini berulang kembali suasana bersesak berbelas jam apabila kenderaan bergerak bagi sifit di atas jalan raya. Kesesakan laluan ke Pantai Timur, utara dan selatan kembali mewarnai hari yang paling ditunggu itu.

Jalan ke Pantai Timur melalui Gua Musang misalnya seperti selalu - 16 jam antara Kuala Lumpur dan Kota Bharu.

Ke utara juga tidak kalah sesaknya. Tetapi inilah suasana raya. Kesesakan pulang ke kampung halaman menjadi sebahagian acara yang memeriahkan hari raya.

Penat dan lelah hilang apabila memijak anak tangga pertama rumah ayah dan bonda. Demikian magisnya hari raya bagi perantau kota.

Walaupun berbelas jam di dalam kenderaan yang merayap perlahan, tetapi tidak ada yang merungut. Jauh sekali untuk kecewa atau serik mengulangi pada tahun yang berikutnya. Itu acara tahunan yang mesti ditempuh untuk pulang berhari raya.

Beberapa teman memberitahu mereka tersekat dalam kesesakan yang amat teruk dengan nada yang ceria dan bahagia.

Tentulah kesesakan itu terlalu kecil kalau hendak dibandingkan dengan kehilangan dua kali Aidilfitri yang lebih menyeksakan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tahun ini suasana hari raya kembali seperti sebelumnya - perantau kota boleh pulang berhari raya. Sanak saudara di kampung halaman pula menunggu berulangnya saat-saat manis orang kota beraya di kampung halaman.

Suasana di kampung kembali meriah dengan kepulangan sanak saudara yang jauh merantau.

Pekan-pekan kecil yang sebelum ini sepi tiba-tiba menjadi 'Kuala Lumpur' apabila berlaku kesesakan yang luar



SUASANA sesak berbelas jam apabila kenderaan bergerak bagi sifit di atas jalan raya berulang kembali mewarnai hari raya Aidilfitri tahun ini.

biasa. Sebahagian besar dipenuhi kenderaan dari Kuala Lumpur.

Pasar raya dan bazar Ramadan beberapa hari sebelum Aidilfitri pula mengalami sesak yang luar biasa. Itulah penanganan orang Kuala Lumpur yang beraya di kampung selepas tertunda dua tahun kerana musibah yang tidak pernah disangka-sangka.

Gaya orang Kuala Lumpur yang balik ke kampung pula sangat mudah dikenal malah sesetengahnya sengaja untuk menunjukkan hal demikian.

Sementara di Kuala Lumpur pula sunyi sepi ketika hari raya. Jalan-jalan yang selama ini penuh sesak dengan kenderaan sudah boleh bermain bola - tidak ada kenderaan kerana hampir semuanya berada di kampung.

Demikianlah Kuala Lumpur yang bergantung kepada perantau yang mencari rezeki dan selebihnya menyuburkan ekonomi.

Hujung minggu lalu pula berjuta kenderaan memudik ke kota. Kehidupan pun bermula apabila Aidilfitri kembali bersembunyi di sebalik kalender hingga tahun berikutnya.

Walaupun masih dalam suasana hari raya, kehidupan yang mencabar di Kuala Lumpur mesti diteruskan seperti biasa.

Kini Kuala Lumpur sudah kembali sibuk. Kesesakan pun kembali mengambil tempat di kota yang menjadi nadi kehidupan warganya.

Suasana Aidilfitri selalunya tidak terasa di Kuala Lumpur kecuali acara membeli-belah pada minggu terakhir sebelum hari

raya.

Aidilfitri seolah-olah hanya ada di kampung halaman kerana di sana ada ayah dan bonda serta sanak saudara.

Sebenarnya Aidilfitri kali ini memberikan banyak iktibar untuk kita sama-sama merenung dan memetiknya. Aidilfitri ini adalah yang luar daripada kebiasaan apabila dua kali Aidilfitri telah 'dicabut' dari kalender.

Dua kali kehilangan Aidilfitri kerana musibah yang juga sebenarnya ruang untuk masing-masing memeriksa diri.

Ini juga satu peringatan kepada semua bahawa dalam keadaan tertentu duit dan harta benda bukanlah kehidupan yang sebenarnya.

Ketika berada dalam serkutan pandemik, duit dan harta benda tidak boleh membeli kebebasan kita tentang perkara-perkara yang melintas dalam garis masa hidup kita yang penuh warna.

Sebuah dalam kalangan kita tidak kira miskin ataupun kaya berada dalam penjara fizikal dan emosi yang sama. Selama dua tahun banyak kehilangan yang berlaku - hidup yang aman, punca rezeki untuk menyara keluarga, sanak saudara yang tewas akibat COVID-19 dan hari raya.

Kita sama-sama dihambat oleh perasaan yang tidak menentu. Kita dilingkari oleh ketakutan dan keimbangan yang tidak berhujung.

Yang kaya bimbang jatuh 'miskin' walaupun sesetengah daripada mereka harta yang dimiliki boleh menyara tujuh keturunan. Yang miskin berdepan tekanan berganda - kehilangan

“Semua dalam kalangan kita tidak kira miskin ataupun kaya berada dalam penjara fizikal dan emosi yang sama. Selama dua tahun banyak kehilangan yang berlaku - hidup yang aman, punca rezeki untuk menyara keluarga, sanak saudara yang tewas akibat COVID-19 dan hari raya.”

kerja dan simpanan pula tidak seberapa.

Tekanan emosi ini sama sahaja. Penjara emosi terbukti jauh lebih menyeka kerana ketidaktentuan dan 'esok' adalah hari yang mendebarkan. Miskin dan kaya terdera oleh emosi dan tenggelam punca dalam banyak perkara.

Oleh hal yang demikian, Aidilfitri kali ini setidak-tidaknya adalah peluang keemasan untuk kita merayakan dengan kesedaran dan keinsafan. Apabila sentiasa berada dalam kegembiraan, manusia terlupa menghargai kegembiraan itu.

Malah menjadi tidak pernah cukup dengan anugerah yang diberi. Apabila sedikit ujian diturunkan, kita kembali menilai masa lalu yang sebenarnya anugerah yang tidak ternilai.

Hari Raya Aidilfitri yang baru sahaja berlalu mengingatkan kita tentang perkara-perkara yang melintas dalam garis masa hidup kita yang penuh warna.

Maka Aidilfitri sebenarnya bukan sekadar untuk bergembira, tetapi yang lebih utama meningkatkan keinsafan.

Semua dalam kalangan kita telah dianugerahkan hak masing-masing. Hak itu membolehkan kita mendapat kembali peluang menyambut hari raya dalam suasana yang tidak terkepung oleh keimbangan yang melampau.

Maka seharusnya

kita sama-sama menghargai kebebasan yang selama ini semacam tidak ada nilainya.

Secebis kebebasan yang ditarik daripada hidup kita itu sudah menjadikan seolah-olah tidak ada kehidupan lagi selepas itu. Padahal berpuluhan kali Aidilfitri sebelum itu kita tidak peduli kebebasan yang dianugerah itu.

Bagaimanapun seperti biasa manusia akan kembali melihat masa lalu apabila berada dalam masa kini yang meresahkan.

Hari raya sebenarnya bukan tentang apa yang diperaga, tetapi apa yang dirasa. Kita perlu kembali pada hakikat hari raya yang sebenarnya.

Hari raya bukan pesta tunjuk menunjuk terutama apabila pulang ke kampung halaman, tetapi kembali mengerat ikatan.

Semoga tahun depan dan seterusnya kita terus diberi peluang merayakan Aidilfitri dalam suasana yang aman. Kita sudah mulai menghargai suasana aman yang sebelum ini berlalu begitu sahaja.

Iktibar daripada hilangnya Aidilfitri selama dua tahun diharap dapat mengajar kita menghargai sesuatu yang selama ini berlalu tanpa diendah.

SAJAK

AKU YANG SKIZO

Selang-seli dihari-hariku lalu
Penuh dengan khayalan duniku
Yang tersendiri dengan perasaan
Bolak-balik dan perubahan personalitiku
Yang sering tertukar-tukar emosi

Aku yang skizo memang sering
Tersakiti dengan permainan emosi
Pabilan melawan arus dengan emosi
Ini tak mungkin kuat untukku
Bertahan dalam meredakan kesakitan itu

Aku yang skizo tak ingin
Juga kupinta pada Tuhan
Agar jadikan diriku ini sebegini
Rupa setelah sekian lama disakiti

Berhalusinasi dan delusi dalam diri
Aku yang skizo memang perit
Untuk menerima hakikat yang dirinya
Sakit yang sememangnya sukar
Dikawal oleh emosi tanpa ubat

Jadi, hargailah pesakit skizo
Dengan rasa hormat dan berperikemanusiaan
Dalam diri sendiri tanpa memperlekehkan
Dan merendahkan pesakit skizo

LEENOYU

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Hari raya dan nostalgia kisah lalu

HARI ini masuk 12 hari sambutan Aidilfitri. Namun kehangatan sambutan masih belum pudar, masih dirayakan di sana sini. Malah minggu kedua Aidilfitri dan seterusnya dikatakan waktu di mana sambutan lebih rancak. Ramai mengadakan rumah terbuka.

Adi sekadar ingin mengimbau warna warni sambutan hari raya tahun ini. Pertama, kisah hari raya yang menjadi kejutan dan di luar jangkaan ramai.

Hari raya dijangka pada Selasa 3 Mei seperti tercatat dalam kalender, sebaliknya jatuh pada Isnin 2 Mei.

Kaedah menentukan hari raya berdasarkan rukyah dan hisab tetap menjadi amalan. Setiap tahun, sejak sekian lama, tarikh hari raya sudah dapat dijangka dan tercatat dalam kalender.

Selalunya catatan ini tidak silap. Namun kali ini jangkaan tergelincir kerana anak bulan Syawal dikatakan sudah kelihatan.

Ramai terkejut kerana masih belum bersedia secukupnya. Barang basah untuk dimasak belum lengkap. Terpaksalah melihat stok apa di dalam peti sejuk. Lemang, ketupat dan rendang terpaksalah dibeli daripada gerai tepi jalan sahaja.

Kebanyakannya merancang membeli bahan masak serta keperluan lain pada Isnin 2 Mei. Oleh itu apabila Isnin diumum hari raya, ramai yang bagi ‘mati akal’.

Syukurlah jika sudah ada membeli sedikit sebanyak, boleh juga diolah untuk makanan pagi raya. Yang tidak ada, redhalah dengan apa yang ada.

Bagi mereka yang merancang balik kampung pada hari Isnin, masih boleh menyesuaikan jadual jika berkenderaan sendiri. Boleh bertolak balik pada malam raya. Jika diizin Allah sempat solat sunat Aidilfitri di kampung.

Yang menggunakan pengangkutan awam dan sudah menempah tiket, tiada pilihan melainkan balik pada hari raya pertama. Pastinya tidak dapat bersama keluarga menyambut 1 Syawal.

Kejutan tarikh Aidilfitri tahun ini mengingatkan Adi kepada sambutan hari raya tahun 1982. Buat pertama kali, hari raya tidak disambut serentak di Malaysia apabila Perak dan Johor mengisyiharkan hari raya sehari lebih awal berbanding negeri lain atas titah sultan masing-masing. Ini berikutnya laporan anak bulan Syawal telah kelihatan.

Penduduk kedua-dua negeri terpinga-pinga, sementara



KEJUTAN tarikh Aidilfitri yang jatuh pada Isnin 2 Mei mengimbau kembali nostalgia pada tahun 1982.

penduduk negeri lain tertanya-tanya. Namun menjunjung titah sultan, hari raya tetap disambut.

Pihak Jabatan Penerangan, Jabatan Agama, polis dan pejabat daerah keluar masuk kampung menyampaikan perkhabaran.

Maklum ketika itu sistem penyaluran maklumat belum meluas seperti sekarang. Tidak semua ada TV atau radio, dan tidak ada media sosial. Lagi pun makluman secara bersemuka lebih meyakinkan orang ramai.

Sejak itu, penentuan 1 Syawal seluruh negara diseragam menurut kiraan rukyah dan hisab. Malah tarikh ini yang tercatat dalam kalender menjadi panduan. Mudahlah bagi orang ramai merancang perbelanjaan dan membuat persiapan.

Tarikh ini selalu tepat. Kerana itu apabila catatan kalender meleset tahun ini, memang ia kejutan untuk orang ramai. Dalam minda

mereka sudah tertanam hari raya jatuh pada Selasa 3 Mei.

Bagi Adi, ada *thrill* juga kejutan seperti ini, seperti juga pada tahun 60-an ketika Adi masih bersekolah rendah.

Tarikh hari raya hanya diketahui sehingga saat terakhir bergantung sama ada anak bulan kelihatan atau tidak.

Kerana biasa dengan situasi ini, penduduk kampung lebih bersiap sedia. Bahar masak memasak dibeli awal, ayam boleh disembelih sebaik sahaja pengumuman rasmi dibuat. Malam raya akan sibuk dengan aktiviti masak memasak.

Lampu minyak tanah di halaman rumah dipastikan semuanya menyala. Lampu gasolin juga dipasang. Cahayanya bukan sahaja memenuhi rumah tetapi menerjah sehingga ke halaman dan sekitar.

Seingat Adi, ayah hanya membenarkan lampu ini dipasang dua kali setahun, pada hari raya Aidilfitri dan

“Kerana itu mereka tidak melepaskan peluang berbondong-bondong menuju ke kampung halaman ke pangkuhan keluarga dan desa tercinta menyambut lebaran. Pendek kata inilah waktu untuk menebus kembali tempoh dua tahun menyambut hari raya bersendirian atau bersama keluarga sendiri.”

Aidiladha.

Sambutan hari raya ketika zaman kanak-kanak bagi Adi memang menyeronokkan. Suasana sambutan sekarang sudah berubah.

Ramai generasi lama di kampung Adi sudah pergi, malah rakan-rakan sebaya Adi juga sudah ramai yang tiada lagi. Namun kenangan tetap tersimpan dalam hati.

Adi percaya pada waktu ini ramai warga kota yang berkesempatan balik kampung menyambut 1 Syawal bersama keluarga dan saudara mara serta teman, sudah kembali ke ibu kota. Setelah puas menyambut lebaran di kampung halaman kini masa untuk kembali bekerja.

Dianggarkan empat juta balik kampung. Tidak hairan jika angka ini mengatasi rekod balik kampung sebelum ini.

Pertambahan angka kerana sudah dua tahun tidak dapat berhari raya bersama keluarga kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lantaran pandemik COVID-19.

Kerana itu mereka tidak melepaskan peluang berbondong-bondong menuju ke kampung halaman ke pangkuhan keluarga dan desa tercinta menyambut lebaran. Pendek kata inilah waktu untuk menebus kembali tempoh dua tahun menyambut hari raya bersendirian atau bersama keluarga sendiri.

Maka sesaklah lebuh raya utama seperti Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) serta Jalan Persekutuan.

Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) juga sesak dengan orang ramai sehingga susah untuk parkir atau membiasahkan tekak dan mengisi perut kosong.

Ramai lah pula yang perlu ke bilik air akan berhenti di stesen minyak. Namun keadaan sama. Bukan sahaja ramai mahu mengisi minyak tetapi ramai memenuhi bilik air. Mahu tidak mahu terpaksalah bersabar menunggu.

Ramai yang beranggapan

jika bertolak lewat tengah malam atau awal pagi, perjalanan lebih lancar. Atau jika lebuh raya sesak, bergerak melalui jalan persekutuan. Namun apabila semua mempunyai perkiraan sama, kesesakan tetap berlaku di mana-mana.

Sekali pun sudah ramai kembali ke kota, bukan bermakna kemeriah hari raya di kampung menjadi suram. Ini kerana akan ada pula gelombang kedua balik kampung menggantikan yang sudah balik ke bandar.

Kumpulan ini bersikap lebih santai dan sabar untuk tidak balik kampung bersesak-sesak dengan orang lain.

Mereka menunggu keadaan lebih lapang. Waktu inilahgiliran mereka pulang ke desa. Dengan itu kemeriah hari raya di desa tetap berterusan membara.

Begitu juga yang telah kembali ke kota, sambutan hari raya tetap diteruskan dengan saling kunjung mengunjung bertemu saudara dan rakan yang sebelum ini kebanyakannya sama-sama balik kampung.

Malah ramai pula mengadakan ‘rumah terbuka’, tradisi yang sudah dua kali hari raya tidak dapat dilakukan. Kerana itu tidak hairan jika lebih ramai mengadakan rumah terbuka di sana sini untuk mengeratkan hubungan sesama keluarga dan rakan-rakan.

Kemeriah Syawal akan tetap terasa sehingga ke penghujung. Dalam menyambut Aidilfitri, Adi tidak lupa memori sambutan hari raya dahulu. Alangkah bahagianya jika masa dapat diputar kembali. Namun tidak mungkin. Selamat Hari Raya.

Adi—Maaf Zahir Batin

Ali Fazah

SKETSA



SAJAK

AIDILFITRI CERMINAN DIRI

Aidilfitri yang bertandang ini adalah hentian untuk kau mencerminkan diri meninjau tercapai tidaknya matlamat mengubah peribadi diri.

Ramadan yang berlalu itu hendaknya tidak sekadar berhasil menurunkan berat badan dan mengandakan rezekimu bahkan lebih dari itu sepantasnya mengirim rasa takut pada timbunan dosa masa lalu dan menyapa taubatmu yang acap kali tertangguh.

Mohd Salleh Osman
Presint 16, Putrajaya.

Salur kepada yang tepati kriteria

YWP terima banyak permohonan bantuan

DIANA AMIR

SEIRING dengan objektif penubuhannya membantu menaik taraf hidup golongan yang berpendapatan rendah dan memerlukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa komited memastikan warga Wilayah sentiasa terpelihara.

Untuk itu, YWP bersedia dalam menyampaikan sumbangan kepada golongan memerlukan yang mengemukakan permohonan sekali gus menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh pihaknya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, YWP menerima banyak permohonan sumbangan daripada warga Wilayah dan setiap satunya akan dipertimbangkan terlebih dahulu.

"Tempoh hari, YWP ada menyampaikan sumbangan komputer riba kepada pelajar yang memerlukan di Labuan dan selepas itu


kita ada lagi menerima permohonan bagi bantuan berbentuk itu.

"Namun pertimbangan akan dilakukan berdasarkan keperluan dan keadaan pemohon itu. Jadi, kita akan lalui proses tapisan terlebih dahulu untuk memastikan yang benar-benar layak untuk menerima.

"Seperti sedia maklum, kita tidak mempunyai peruntukan khas bagi sumbangan ini, jadi tidak semua permohonan akan diterima namun YWP akan mencuba yang terbaik bagi memastikan tiada golongan yang tercincir," katanya sewaktu dihubungi Wilayahku.

Tambahnya YWP akan sentiasa memberi fokus kepada bantuan pendidikan bagi memastikan anak-anak warga Wilayah Persekutuan mendapat pendidikan yang sepatutnya dan seterusnya mengelakkan kecinciran dalam pelajaran.

"Kita sentiasa bersedia dalam membantu mereka yang memerlukan tidak kira dari segi pendidikan atau sebaliknya.



ZAIZALNIZAM (kiri) menyampaikan sumbangan duit raya kepada golongan asnaf ketika Program Nur Ramadan yang dijalankan sepanjang bulan Ramadan lalu. - Gambar hiasan

Bagi mereka yang ingin memo-

hong sumbangan, mereka boleh menyemak jenis bantuan melalui laman sesawang YWP," ujar

beliau.

Mengulas lanjut tentang rumah terbuka buat warga Wilayah Persekutuan, beliau berkata

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

ta pihaknya akan bersama-sama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sekiranya terdapat sebarang penganjuran.

"Setakat ini tiada kata putus lagi dan sekiranya ada perancangan, kita akan bersama-sama pihak KWP menganjurkan program tersebut dan akan lihat jenis bantuan yang boleh dihulurkan YWP," jelasnya. **WK**

Ekuinas taja RM20,000 ceriakan asnaf

DIANA AMIR

EKUITI NASIONAL (Ekuinas) memperuntukkan sejumlah RM20,000 menerusi Kelab Anak Muda Bandar Tun Razak bagi meraikan golongan kurang berkecukupan pada sambutan Syawal baru-baru ini.

Sumbangan tersebut melibatkan 150 orang penerima yang terdiri daripada orang kurang upaya (OKU) cacat penglihatan, ibu tunggal serta anak yatim di sekitar bandar Tun Razak dan Kuala Lumpur.

Menurut Pengurus Kelab Anak Muda Bandar Tun Razak, **Fitri Ramli**, selain wang tunai, mereka juga turut menerima bahan asas persediaan hari raya seperti ketupat segera, rendang daging, rendang ayam, kuah kacang dan dua bekas kuih raya.

"Alhamdulillah, kita menerima tajaan sebanyak RM20,000 daripada pihak Ekuinas sekali gus memberi peluang buat penerima menyambut bulan yang penuh bermakna ini dengan gembira seperti insan lain," ujarnya kepada Wilayahku.

Tambahnya lagi, pemilihan penerima bagi Program Majlis Sumbangan Hari Raya tersebut dipilih melalui senarai nama yang memohon serta bancian persatu-an penduduk.

"Selain itu, program agihan barang asas juga akan diteruskan pada bulan ini dan memberi tumpuan khusus kepada penduduk yang layak di sekitar Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Parlimen Bandar Tun Razak," ujarnya.

Dalam pada itu, Fitri turut berharap lebih ramai pihak

membuka mata untuk membantu warga wilayah yang kurang berkemampuan.

"Rata-rata penerima men-
zahirkan ucapan terima kasih kerana mengambil berat keadaan mereka. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Ekuinas kerana memberi keper-
cayaan kepada Kelab Anak Muda Bandar Tun Razak menjayakan program ini."

"Semoga ia akan membuka mata masyarakat untuk tidak melupakan golongan kurang ber-
nasib baik bukan sahaja dalam bulan Syawal tetapi pada masa-masa lain juga. Selain itu, diharapkan program seperti ini dapat dijalankan lagi dengan kerjasama lebih banyak badan-badan korporat, orang perseorangan dan sebagainya," ujarnya. **WK**



PENERIMA sumbangan ceria sejurus Program Majlis Sumbangan Hari Raya Kelab Anak Muda Bandar Tun Razak di Masjid Saidina Abu Bakar As Siddiq, Bangsar baru-baru ini.

27 negara berkumpul di KL sempena KLTM

HAZIRAH HALIM

SELEPAS merangkul kejayaan dalam penganjuran Kuala Lumpur Travel Mart (KLTM) pada tahun 2018 hingga 2020, kini ia kembali diadakan dengan jalinan kerjasama antara The World Travel Exchange Virtual (WorldTEX).

Berlangsung di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur pada 24 Mei ini, ia adalah penganjuran kali keempat serta merupakan acara pertama gabungan dua pesaing selepas kedua-dua syarikat ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU).

Menurut Pengarah Urusan WSF Travel Sdn Bhd, **Wan Shairi Wan Ahmad**, acara pertama itu diadakan untuk menghubungkan penyedia perkhidmatan dalam industri pelancongan dengan ejen pelancongan dalam dan luar negara.

"Ini adalah kerjasama menarik untuk kedua-dua pihak dan ia memainkan peranan penting dalam mempromosikan produk serta pakej terkini pelancongan seluruh dunia. Menerusi MoU ini, kami harap ia dapat meningkatkan kerjasama di samping memanfaatkan kepakaran masing-masing bagi menjadikan acara tersebut lebih berkesan."



WAN SHAIRI

"Tahun ini kita telah berjaya mengumpul 27 negara di Kuala Lumpur yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti syarikat penerbangan, syarikat pengurusan destinasi, operator pelancongan dan lain-lain serta berjaya membawa lebih 50 hotel seluruh Malaysia ke acara tersebut untuk menguatkan lagi sektor pelancongan negara," ujarnya.

Menurutnya lagi, pengumuman kerajaan membuka semula pintu sempadan negara berkuat kuasa pada 1 April lalu merupakan masa terbaik buat industri pelancongan untuk kembali mempromosikan produk mereka selepas dua tahun terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19.

"KLTM dan WorldTEX berkongsi objektif yang sama iaitu mahu mencipta peluang untuk membangunkan hubungan perniagaan, mendapatkan lebih banyak petunjuk, membina pangkalan pelanggan serta menyampaikan tawaran terkini," katanya.

Terdahulu, MoU tersebut telah pun ditandatangani oleh Wan Shairi Wan Ahmad bersama Pengarah Urusan Penastria Event Sdn Bhd, Zairul Annur Mohd Zin dan disaksikan Presiden Majlis Pelancongan Malaysia, Uzaidi Udanis. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

Rantakota

13 - 19 MEI 2022 . BIL 164

Wilayah Ku



Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat KL dilaksanakan

AZLAN ZAMBRY

Foto: PEJABAT MENTERI & DBKL

KEBANYAKAN dalam kalangan kita menyifatkan perubahan iklim hanya sekadar hujan dan panas sahaja. Tidak lebih dari itu. Namun anggapan itu tersasar kerana ia adalah musibah terbesar yang berlarutan untuk jangka masa lama dan memerlukan penyelesaian tuntas bagi menangani

kesan tersebut.

Banyak bandar raya utama dunia mengalami masalah yang terhasil daripada perubahan cuaca ekstrem, tidak terkecuali bandar raya Kuala Lumpur yang menyaksikan banjir kilat melanda sehingga memaksa pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mencari penyelesaian untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi mengatasi masalah tersebut.

Terdahulu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dalam sesi penggulungan di Dewan Rakyat pada 9 Mac lalu memberitahu bahawa pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL dalam perancangan untuk membentuk semula sistem perparitan di seluruh Kuala Lumpur dan telah melantik sebuah firma perunding untuk menjalankan kajian yang mengambil

masa kira-kira 12 bulan.

Malah 1 Syawal lalu, Kuala Lumpur sekali lagi dibabai banjir kilat dan Shahidan yang kebetulan berada di ibu negara ditemani Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek, Datuk Azmi Abdul Hamid turun padang untuk meninjau keadaan dan mencari solusi untuk menyelesaikan masalah tersebut. **W.K**

14 inisiatif interim pastikan KL bebas banjir kilat



ANCAMAN perubahan iklim yang menjadi penyebab banjir kilat sejak akhir-akhir ini merisaukan warga kota. Boleh dikatakan banyak kawasan sekitar pusat bandar Kuala Lumpur telah ditandai sebagai *hot spot* banjir kilat bagi memudahkan urusan pihak berkuasa menjalankan usaha menyelamat, menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf sistem perparitan di kawasan tersebut.

Untuk menyelesaikan masalah tersebut, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melantik Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) untuk melakukan kajian dan inventori terhadap keseluruhan sistem perparitan di semua kawasan di bandar raya ini dan hasil penuh kajian akan diperolehi pada April 2023.

Selain itu, untuk jangka masa pendek, DBKL melaksanakan Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022 yang mengandungi 14 inisiatif interim bagi menyelesaikan masalah tersebut melibatkan peruntukan kira-kira RM10 juta.

Kedua-dua program yang melibatkan tempoh jangka masa pendek dan panjang ini dilihat sebagai serampang dua mata sekali gus menunjukkan KWP dan DBKL serius untuk menangani masalah banjir kilat di ibu kota.

Pelan yang dilaksanakan berpandukan kepada ramalan cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) itu

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, pihaknya telah memulakan langkah segera dengan melaksanakan 14 inisiatif interim seperti yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kuala Lumpur 2022 bermula awal Mei lalu.

telah menyenaraikan 25 'hot spot' antaranya Jalan Pintasan Segambut, Jalan Rahmat, Jalan Sultan Azlan Shah, Lebuhraya Sultan Iskandar dan Jalan Maharajalela.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata, pihaknya telah memulakan langkah segera dengan melaksanakan 14 inisiatif interim seperti yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kuala Lumpur 2022 bermula awal Mei lalu.

"Kita sudah mula ambil tindakan dan kita akan lihat kesan terhadap 14 langkah ini dalam masa tiga bulan. Malah kerja-kerja yang menyumbang kepada banjir kilat juga akan dikawal selia dengan lebih rapi.

BERSAMBUNG MUKA 11

"Banyak longkang di sini sudah lama, tidak lagi dapat menampung kapasiti air dan masalah perbandaran yang semakin berkembang dan kepadatan yang meningkat. Melalui kajian ini, kami berharap dapat mencari penyelesaian kekal," katanya kepada pemberita di ibu pejabat DBKL pada Isnin.

Mahadi berkata, pihaknya akan memberikan tumpuan

kepada kerja pemantauan dan pembersihan bagi memastikan saluran keluar air larian ke tepi jalan tidak tersumbat atau terhalang yang akan dilaksanakan pasukan khas 'Public Service Delivery Team' (PSDT) yang dianggotai kira-kira 150 petugas.

Kebanyakan langkah itu, katanya, melibatkan operasi asas termasuk pembersihan harian dan penyingkirkan halangan seperti sampah dan akar pokok dari sungai dan longkang, menyahkelodak kolam tumpang banjir (*Hot spot* 16, 17 dan 18), memastikan penyelenggaraan yang betul *On Site Detention Pond* (OSD), serta menggerakkan warden trafik untuk menyuraukan lalu lintas di jalan yang dinaiki banjir.

Selain itu, antara langkah yang diberikan tumpuan termasuk menaik taraf longkang *scupper*; membina baharu untuk memudahkan aliran air yang lebih lancar di dalam longkang; menggerakkan jentera dan kaktungan di kawasan mudah banjir di *Hot spot* 5, 6, 10, 12, 18, 20 dan 25 mengenal pasti dan membuka lendoncongan lalu lintas sementara untuk mengelakkan kawasan banjir; dan meletakkan 2,000 beg pasir di kawasan tanah rendah

PELAN TINDAKAN TEBATAN BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR 2022
mulai 5 Mei 2022

- 1 Memastikan saluran keluar air larian ke longkang tepi jalan tidak tersumbat atau terhalang.
- 2 Menaiktaraf kesemua *scupper drain* dalam kawasan *hotspot* banjir kilat.
- 3 Menempatkan bilangan jentera dan petugas DBKL yang mencukupi di lokasi strategik dalam kawasan *hotspot* banjir kilat.
- 4 Menempatkan lebih ramai Warden Trafik DBKL di lokasi *hotspot* banjir kilat.
- 5 Mengenalpasti laluan lendoncongan (*diversion*) yang perlu dibina serta merta bagi mengelakkan pemandu terperangkap dalam banjir kilat.
- 6 Membina *sump* baru bagi menyalurkan air dengan lebih sempurna ke longkang tepi jalan yang sedia ada.
- 7 Meletakkan guni-guni pasir (*sandbag*) kawasan rendah di tepi sungai sebagai langkah interim sebelum *flood wall* siap dibina.

PELAN TINDAKAN TEBATAN BANJIR KILAT DI KUALA LUMPUR 2022
mulai 5 Mei 2022

- 8 Melaksanakan kerja-kerja untuk mengeluarkan kelodak (*desilting*) di Kolam Takungan Banjir.
- 9 Memastikan tangki-tangki *On Site Detention*(OSD) milik persendirian berfungsi dengan sempurna dan digunakan serta diselenggarakan dengan betul.
- 10 Memastikan sungai-sungai, *monsoon drain* dan saluran air tidak dihalang oleh sampah, akar pokok dan tumbuhan liar.
- 11 Menggunakan lebih banyak SMA (*Stone Mastic Asphalt*) untuk permukaan dan turapan jalan.
- 12 Menjadikan aktiviti *plogging* sebagai satu aktiviti rutin DBKL.
- 13 Lebih banyak kawasan Zon Bebas Sampah (*Litter Free Zone*) akan disyitiharkan di Kuala Lumpur.
- 14 Mengeluarkan Mesej Amaran Banjir Kilat (*Flash Flood Alert Message*) kepada semua pemilik telefon bimbit yang berada di dalam kawasan Kuala Lumpur melalui SMS



14 Inisiatif Interim Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat memberi penekanan terhadap aspek pembersihan dan penyelenggaraan terhadap kawasan hot spot banjir termasuk memastikan monsoon drain dan scupper drain sentiasa diselenggara bagi mengelakkan ia tersumbat.



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim diiringi Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah melawat kawasan banjir kilat pada 1 Syawal lalu.

DARI MUKA 10

berhampiran sungai sementara 'Flood Wall' dibina.

Antara inisiatif lain, DBKL akan menggunakan lebih banyak 'Stone Mastic Asphalt' (SMA) untuk turapan jalan kerana bahan tersebut boleh meresap air bagi mengelakkan ia mengalir terus ke longkang.

Selain itu, bahan yang sama turut digunakan di kawasan bangunan Colessum, yang dahulunya dikenali sebagai Lanai Seni yang ketika ini sedang dinaik taraf sebagai kawasan landscap yang dibangunkan kawasan serapan air lebih besar sebagai usaha untuk menangani banjir di kawasan tersebut.

Melalui inisiatif yang sama, sebarang permohonan rancangan pembangunan (DO) yang melibatkan kawasan landscap, pihak DBKL akan memastikan pembangunan permukaan resap air dibina

lebih besar agar ia boleh membantu mengurangkan banjir kilat di Kuala Lumpur.

KEMEN CUCI KL TANGANI PUNCA BANJIR KILAT

PADA 28 April lalu, KWP dan agensi di bawahnya telah mengadakan program gotong-royong pembersihan di kesemua 25 kawasan hot spot banjir yang diketuai Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi DBKL, Datuk Anwar Mohd Zain.

Program tersebut melibatkan 1,000 sukarelawan dan menjalankan aktiviti pembersihan meliputi kawasan Parlimen Bukit Bintang dan Lembah Pantai.

Selain itu, pada 6 Mei lalu DBKL menganjurkan program Kempen Cuci KL yang diilhamkan oleh Shahidan. Antara aktiviti utamanya adalah *plogging* iaitu gabungan riadah melalui jogging dan mengutip sampah semasa beraktiviti serta mencuci *scupper drain*

bagi mengelakkan sampah terperangkap yang menjadi punca banjir kilat.

Pemeriksaan lebih kerap di longkang-longkang terutama di kawasan hot spot akan dilakukan bagi mengelakkan ia tersumbat dengan sampah, tumbuhan liar dan pokok, kabel dan paip utiliti yang turut menyumbang kepada banjir kilat di beberapa kawasan.

Aktiviti ini dilakukan dua kali seminggu dengan kerjasama semua pihak termasuklah melibatkan NGO, sekolah, swasta dan penduduk.

DBKL juga telah mengisytiharkan Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja, Brickfields' Little India, dan Jalan Tuanku Abdul Rahman sebagai Zon Bebas Sampah dan akan mengisytiharkan lebih banyak kawasan.

Bagi menangani masalah sikap kutu sampah, mereka akan dikenakan kompaun RM500 jika dilihat membuang sampah merata-rata. **W.K**



NGO hargai inisiatif, sedia kerjasama dengan DBKL

INISIATIF Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022 disambut baik Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Selamatkan Kuala Lumpur (Save KL).

Pengerusinya, **Datuk M Ali** berkata, meskipun pihaknya menghargai keputusan tersebut, pihak DBKL harus mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang jelas untuk mengendalikan bencana di kawasan yang terjejas.

"Kuala Lumpur pernah mengalami banjir besar pada tahun 1972-1973, malah boleh dikatakan hampir setiap tahun banjir kilat, mengapa tiada SOP yang tepat boleh diguna pakai ketika di kawasan terjejas dan ini agak mengecewakan untuk bandar raya terkemuka seperti Kuala Lumpur," katanya ketika



DATUK M ALI

dihubungi *Wilayahku* pada Selasa.

Beliau yang juga Penasihat Persatuan Penduduk Bukit Bandaraya turut mempersoalkan mengapa pengkuatkuasaan dan sistem pemantauan tidak dilaksanakan sebelum ini meskipun beberapa jabatan di bawah DBKL boleh dikerahkan untuk mengenal pasti masalah tersebut terlebih

dahulu.

"Kita lihat ketika ini, apabila sesuatu kejadian berlaku, baru lah berjenis jentera dan pegawai jabatan diaktifkan untuk mengatasi perkara itu."

"Saya mengesyorkan supaya prosedur dan proses berterusan yang sistematik mesti sentiasa ada supaya ia dapat membantu untuk mengurangkan impak ketika banjir kilat," katanya.

Tambahnya, pihaknya bersedia bekerjasama dengan DBKL untuk kepentingan warga kota dan

pada masa sama DBKL harus melibatkan wakil dari Persatuan Penduduk kawasan supaya semua pihak mendapat manfaat.

Dalam pada itu, M Ali berkata, peruntukan RM10 juta yang digunakan untuk pelan tersebut mesti digunakan dengan berhemah di lokasi yang memerlukan tindakan segera.

"DBKL perlu dipastikan tiada ketirisan serta penyalahgunaan peruntukan RM10 juta itu supaya ia dapat mengurangkan masalah yang dihadapi," katanya. **W.K**



'Bercucul' meriahkan malam raya di Labuan




PENYUMBANG
MOHD HAZIM

BUDAYA memasang pelita atau 'bercucul' (dalam bahasa suku kaum Kedayan/Brunei) memeriahkan lagi suasana malam-malam raya di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan.

Salah seorang penduduk Kampung Tanjung Aru WP Labuan, **Mohd Noor Mohd Salleh**, 58, berkata budaya seperti ini dapat menceriakan halaman rumah dengan nyalaan cucul serta menjadikan sambutan Hari Raya Aidilfitri akan bertambah meriah lebih-lebih lagi setelah dua tahun sambutan Aidilfitri berada dalam tempoh pandemik.

Tambahnya, suasana akan lebih meriah lagi apabila dilakukan bersama ahli keluarga sekali gus dapat mengeratkan silaturahim.

Beliau juga turut berharap agar generasi akan datang meneruskan budaya dan tradisi bercucul agar tidak lapuk ditelan zaman. **WK**



Demi keselamatan rakyat



DUA petugas Putrajaya Command Centre (PCC) Perbadanan Putrajaya (PPj) memantau kamera litar tertutup (CCTV) di Pusat Pentadbiran Kerajaan itu bagi memastikan keadaan keselamatan orang ramai terkawal sepanjang sambutan perayaan ini.



Lebih 100 ribu hadiri Rumah Terbuka Aidilfitri PM



SYUQQREE MOHD DAIN

MAJLIS Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Perdana Menteri dan Anggota Jemaah Menteri 2022 yang dijadualkan bermula pada jam 10 pagi, dimulakan lebih awal iaitu pada jam 9.30 pagi apabila orang ramai mula beratur seawal jam 8 pagi di hadapan Kediaman Rasmi Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana Ahad lalu.

Pada awalnya, hanya 50,000 hingga 70,000 pengunjung dijangka hadir ke Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri tersebut tetapi sambutan yang diterima adalah di luar jangkaan apabila lebih dari 100,000 rakyat Malaysia hadir memeriahkan majlis tersebut.

Ita merupakan sejarah Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri apabila merekodkan jumlah kehadiran yang tertinggi. Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut berkenan mencemar duli berangkat ke majlis berkenaan. **WK**

YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyantuni seorang kanak-kanak yang hadir bersama ibunya di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri.



YANG di-Pertuan Agong (tengah) diiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (kanan) berkenan beramah mesra bersama artis veteran.



SALAH seorang pengunjung mengambil peluang berswafoto bersama Perdana Menteri dan isterinya di Kompleks Seri Perdana.

"Tuhan lepaskan aku dari rantai ini" - Yasin Sulaiman



DEEL ANJER

LUAHAN penyanyi **Yasin Sulaiman** yang kini ditempatkan dalam Penjara Sungai Buloh cukup membuatkan netizen bersympati dengan apa yang menimpanya.

Yasin yang dipenjarakan akibat tuduhan mengedarkan dada jenis kanabis ini sempat menghasilkan lagu baharu di sebalik tirai besi.

Menerusi hantaran *Instagram* miliknya, bekas anggota kumpulan Brothers itu telah berkongsi karya yang dihasilkan sewaktu berada dalam tahanan.

"Lagu ini dicipta oleh Yasin



yang berada di Penjara Sungai Buloh.

"Yasin meminta lirik lagu ini dikongsikan dalam *Instagram* untuk sahabat, teman dan peminat," menurut kapsyen akaun tersebut yang dikendalikan ahli keluarga penyanyi nasyid berkenaan.

Membaca bait-bait lirik lagu berjudul *Bebaskan Aku itu*, bekas anggota kumpulan nasyid Brothers itu seakan-akan meminta pertolongan agar dibebaskan segera daripada belenggu besi.

"Tuhan lepaskan aku dari rantai ini, berikan aku cahaya dari kegelapan ngeri. Ku ingin kembali pada yang ku kasih dan hidup seperti dulu lagi," memetik rangkap ketiga nukilannya. **W.K**

Dalam ruangan komen, rakan artis Faizal Tahir turut memberikan kata-kata semangat.

"Hanya Allah yang tahu doaku untukmu sahabat, manusia hebat yang giat mendekatkan diri ini dengan Pencipta Terhebat. Sungguh ingatanku padamu tak pernah tergugat. Aku tunggu harinya kita kembali bermuafakat," tulisnya.

Memandangkan kes ini sedang berjalan di mahkamah, sama-sama kita doakan yang terbaik buat Yasin. Doa itu senjata.

Terdahulu, Yasin tidak dibenarkan ikat jamin oleh Mahkamah Sesyen dan Majistret atas dua pertuduhan mengedarkan dan menanam 17 pokok ganja di kediamannya di Persiaran Surian Damansara Indah Resort Home, PJU 3 Kota Damansara. **W.K**



"Soal anak belum ada rezeki lagi" – Haqiem Rusli

MEMILIKI anak selepas berkahwin adalah impian bagi setiap pasangan. Tidak kira sama ada dikurniakan bayi perempuan, lelaki atau kembar, kehadiran mereka pastinya mewarnai hubungan dan mengeratkan lagi ikatan suami isteri.

Begitu juga dengan pasangan suami isteri, penyanyi **Haqiem Rusli** dan cinta hatinya, Wan Anis Sofea Wan Zamzuri.

"Soal anak belum ada rezeki lagi. Masih merancang, tapi kami tak tolak rezeki. Kami seboleh-bolehnya nak nikmati momen berdua dan mengukuhkan keserasian."

"Ada waktu bersama, kami masak bersama di dapur contohnya. Ikatkan usia saya baru 24 dan isteri, 20 itu masih terlalu muda."

"Tapi kami bersedia nak laju fasa hidup dengan anak. Cuma tak tergesa-gesa. Biarlah setahun lagi. Mungkin tahun depan, boleh berusaha ke arah itu," kata penyanyi lagu *Tergantung Sepi dan Mimpi* itu.

Haqiem juga mengaku semakin teruja dan seronok menjalani kehidupan sebagai suami. Untuk itu, kesibukan dalam kerjaya bukan alasan untuk tidak meluangkan masa bersama isteri.

"Apabila berkahwin, saya kena mula bahagi masa sehabis baik dengan isteri dan kelompok lain termasuk kawan. Saban hari dan setiap minggu, ada jadual saya agihan untuk bersama isteri, keluarga, kawan dan sebagainya."

"Saya bersyukur kerana ramai yang sayangkan diri ini. Jadi memang kena pandai bagi masa. Isteri pun tak cemburu atau sebagainya. Dia sendiri pun akan ada masa sehari untuk diluangkan bersama kawan-kawan,"

kata Haqiem.

Dalam perkembangan lain, Penyanyi Lelaki Popular Xiaomi Anugerah Bintang Popular BH (ABPBH) Ke-34 itu juga sedang merancang untuk menghasilkan lagu baru.

"Selepas lagu Hitam Saksi Putih yang saya dedikasikan isteri, karya seterusnya berjudul Aku Hati Perasaan akan dilancarkan selepas raya nanti," ujar Haqiem.



Dua kali keguguran, Putri Najuwa bakal jalani IUI

SETIAP yang berlaku di dunia ini adalah dengan keizinan Allah SWT dan pastinya ada hikmah yang diperoleh daripada ujian ini.

Pelakon **Putri Najuwa** yang pernah mengalami keguguran sebanyak dua kali tidak pernah menyalahkan takdir dan sentiasa berusaha untuk mendapatkan anak.

Empat tahun mendirikan rumah tangga dengan Mohd Zaid Samsuri, 38, dia bernekad mahu melakukan Prosedur Permanian Beradas (IUI).

"Sebenarnya dah dua kali saya keguguran ketika kandungan sudah berusia sebulan. Kandungan pertama saya gugur pada bulan September tahun lepas dan kali kedua pada Februari lalu. Sedih juga pada mulanya kerana benda yang dah lama tunggu tiba-tiba jadi macam tu. Mungkin tak ada rezeki lagi agaknya."

"Tapi saya dan suami reda. Bagi saya apa yang terjadi semuanya perancangan Allah dan saya sentiasa berpikiran positif," ujarnya sebak.

Kata pelakon jelita ini lagi, doktor ada menyatakan bahawa rahimnya tidak kuat untuk

mengandung secara normal.

"Saya rancang nak buat IUI juga selepas hari raya ini. Kata doktor saya boleh mengandung hingga umur 36 tahun, itu sebab saya kena cepat buat IUI dalam tahun ini juga," kata Putri Najuwa atau nama sebenarnya, Tengku Putri Najuwa Tengku Yusof, 35.

Pelakon drama bersiri Dawai Kasih dan Waris Kasih ini ditemui pada Majlis Ihya' Ramadan meraikan anak-anak yatim dan asnaf bersama Royale Kukur X Putri Najuwa anjuran Pertubuhan Amal Bakti Se-Malaysia bersama kawasan rukun tetangga (KRT) PPR Intan Baiduri & Syarikat Impian Ramai F&B Sdn Bhd baru-baru ini.

"Sebagai jurucakap Royale Kukur, fokus saya untuk mempromosikan produk berdasarkan cendawan kukur milik syarikat ibu saudara saya. Saya juga berbangga kerana produk ini menerima anugerah di Asean Food & Travel Awards 2022 sebagai pengeluar produk cendawan kukur yang pertama di Malaysia," ujar Putri Najuwa yang kini sedang mengikuti asasi pengajian Islam di Yayasan Ta'lím.





AINI MAWAWI

PERBADANAN Putrajaya (PPj) sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kesedaran pembudayaan kitar semula kepada komuniti dan juga pengunjung atau pelawat Putrajaya secara berterusan.

Malah ia juga diharapkan dapat dilaksanakan bagi merealisasikan matlamat Putrajaya Bandar Hijau menjelang tahun 2025 dan seterusnya melahirkan komuniti mampan pada masa akan datang.

Untuk itu, pelbagai program atau kempen telah dilaksanakan sempena Ramadan baru-baru ini bagi mendidik masyarakat atau komuniti Putrajaya untuk menuju ke arah visi dan misi yang ingin dicapai.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan kempen tersebut serta kejayaannya, **Wilayahku** sempat menemu bual Pengarah Bahagian Kesihatan Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Dr Mohd Helmi Abdul Hamid.

WILAYAHKU: Apakah antara kempen yang diadakan sempena Ramadan lalu?

PPj: PPj telah melaksanakan empat kempen atau program sempena Ramadan tahun 2022 iaitu Kempen Elakkan Pembaziran Makanan, Program Pengasingan Sisa Makanan, Program Jom Biodiesel dan Kempen Hindari Plastik Sekali Guna dan Bawa Bekas Makanan Sendiri.

WILAYAHKU: Boleh terangkan secara ringkas berkenaan kempen-kempen tersebut?

PPj anjur 4 kempen tingkat kesedaran komuniti ke arah Bandar Hijau



PENIAGA menerima insentif daripada Program Jom Biodiesel.

PPj: Kelazimannya, dorongan untuk membeli juadah berbuka puasa menjadi agak tinggi ketika Ramadan seterusnya terjadi pembaziran makanan dan juga sisa makanan dibuang secara berlebihan. Untuk menghindarinya, sepanjang Ramadan lalu kita adakan Kempen Elakkan Pembaziran Makanan dengan edaran risalah serta penerangan kepada pengunjung supaya mengelakkan pembaziran makanan. Hebatnya berterusan juga dibuat melalui juruhebah serta paparan bahan kempen seperti banner dan bunting di sekitar tapak festival selain promosi di media sosial.

Bagi Program Pengasingan Sisa Makanan

pula, antara inisiatifnya, pihak PPj telah menyediakan tong hijau (sisa bercampur dan bekas-bekas makanan): 15 unit, tong oren sisa makanan (sisa boleh kompos): 15 unit di sepanjang laluan *Kiblat Walk* dan Laman Iftar.

Selain itu, bagi Program Jom Biodiesel pula, PPj turut menjalankan pengumpulan minyak masak terpakai daripada Bazar Ramadan Putrajaya. Tong minyak masak 25 liter disediakan kepada peniaga yang berminat serta menjalankan aktiviti memasak di gerai dan diberikan insentif sebanyak RM1.80/kilogram.

Seterusnya Kempen Hindari Plastik Sekali Guna dan Bawa Bekas Makanan Sendiri pula menggalakkan pengunjung membawa bekas makanan sendiri, menggunakan bekas biodegradasi dan beg guna semula semasa membeli juadah di Bazar Ramadan. Untuk itu, kita turut mengedarkan 150 beg guna semula dan bekas makanan kepada pengunjung Bazar



PENGEDARAN beg guna semula dan bekas makanan kepada pengunjung Bazar Ramadan.

Ramadan Presint 3.

WILAYAHKU: Adakah kempen tersebut berjaya menyasarkan pengasingan sisa makanan sebanyak dua tan sepanjang bulan Ramadan?

PPj: Pelaksanaan program atau kempen menunjukkan kejayaan dari segi kesedaran elakkan pembaziran makanan (beli apa yang perlu sahaja). Ini kerana data sisa makanan terkumpul yang berkurangan pada tahun ini iaitu sebanyak 200 kilogram berbanding tahun 2021 (500 kg dalam tempoh PKP) walaupun dengan peningkatan pengunjung yang tinggi (peralihan ke fasa endemik) pada tahun ini.

Selain itu, Program Jom Biodiesel pula dapat menerapkan kesedaran kepada peniaga bazar berkenaan aspek kesihatan iaitu keburukan penggunaan

minyak masak berulang-kali yang dihadkan kepada maksimum tiga kali sahaja bagi

mengelakkan masalah kesihatan badan seperti kanser, penyakit jantung dan lain-lain.

Jumlah kutipan minyak masak terpakai di Bazar Ramadan Presint 3 dan Presint 14 pula sebanyak 520 kilogram melibatkan seramai 20 peniaga. Walau bagaimanapun tahun ini tidak ramai peniaga yang menjual makanan bergoreng

di tapak bazar Ramadan kerana kebanyakannya memasak di tempat lain.

WILAYAHKU: Adakah kempen ini akan diteruskan biarpun di luar bulan Ramadan?

PPj: Sesetengah daripada program ini memang sedia ada namun kita akan meneruskan program dan inisiatif ini secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran pembudayaan kitar semula kepada komuniti. **WK**

Kelazimannya, dorongan untuk membeli juadah berbuka puasa menjadi agak tinggi ketika Ramadan seterusnya terjadi pembaziran makanan dan juga sisa makanan dibuang secara berlebihan. Untuk menghindarinya, sepanjang Ramadan lalu kita adakan Kempen Elakkan Pembaziran Makanan dengan edaran risalah serta penerangan kepada pengunjung supaya mengelakkan pembaziran makanan.





DIANA AMIR

BERLATARBELAKANGKAN pemandangan indah Tasik Putrajaya merupakan antara tarikan yang ada pada Hotel Zenith, Putrajaya yang perlu diletakkan dalam senarai 'staycation' anda pada hujung minggu.

Mula dibuka pada tahun 2018, dekorasi bilik tidur yang berkonsepkan 'lifestyle business' di hotel ini menjadi pilihan ramai di sebalik harganya yang serendah RM300++ semalam.

Menurut Pengurus Besar Hotel Zenith, Putrajaya, **Gurdial Bakshish**, hotelnya menyediakan sebanyak 252 bilik tamu mewah dengan menawarkan beberapa jenis bilik seperti Deluxe, Signature, Titanium Club, Executive, Zenith dan Presidential Suite.

"Antara tarikan utama adalah kita mempunyai pemandangan yang indah iaitu menghadap Tasik Putrajaya serta Jambatan Wawasan yang dihiasi dengan lampu pada waktu malam.

"Selain itu, bilik yang ada juga seluas 33 kaki persegi sehingga 186 kaki persegi selain setiap bilik memiliki tab mandi berbanding kebanyakan hotel di luar yang hanya menawarkan tab mandi bagi bilik yang berharga mahal.

"Hotel Zenith juga mempunyai tiga buah bilik khusus buat golongan orang kurang upaya (OKU) bagi menggalakkan tetamu yang datang dari semua peringkat umur dan golongan untuk menginap," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, selain bilik mewah, *sky bar* juga merupakan antara tempat pilihan wajib pengunjung kerana mereka dapat menikmati hidangan sambil menyaksikan ketenangan Tasik Putrajaya dan Masjid Putra.

"Terletak di tingkat 13, selain pemandangan indah, sebahagian pengunjung yang datang ke sini tidak akan melepaskan peluang bergambar kerana ia dikatakan tempat paling 'Instagrammable'.

"Di sini juga merupakan lokasi sesuai untuk mengadakan parti hari lahir mahupun mesyuarat selain tetamu juga kerap memilih untuk mengadakan acara



di kawasan terbuka yang terdapat di sini," jelasnya sambil menambah kolam renang juga terletak di aras yang sama.

PAKEJ BULAN MADU

BERCERITA lanjut tentang Hotel Zenith yang tersenarai di antara hotel mesra muslim, ia juga menyediakan fasiliti seperti dewan khas yang boleh disewa yang mana kapasiti bergantung kepada susunan dan saiz dewan yang dipilih untuk acara seperti majlis perkahwinan.

"Ia juga merupakan antara lokasi pilihan bagi pasangan pengantin mengadakan majlis perkahwinan selain kedudukannya berhampiran dengan Masjid Putra memudahkan mempelai untuk mengadakan majlis akad nikah.

"Pengantin baru gemar memilih Zenith sebagai lokasi berbulan madu memandangkan kita juga turut menawarkan dekorasi bilik yang menarik serta makan malam romantik yang terdapat dalam pakej bulan madu,"



PRESIDENTIAL Suite antara jenis bilik yang ditawarkan dilengkapi bilik tidur, ruang tamu dan dapur.

Info

Hotel Zenith, Putrajaya

Alamat: No. 1, Jalan P2/A, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

Rangkaian: The Zenith Hotel Kuantan, Zenith Cameron Highlands

Telefon: 03-8893 9993

Tempahan: <https://thezenithhotel.com> atau emel reservation@zenithputrajaya.com



ujarnya lagi.

Selain itu, sempena bulan Syawal, hotel lima bintang ini turut menawarkan Raya Staycation di mana pengunjung berpeluang menikmati hidangan set makan malam yang dihidang melalui *tiffin style*.

"Pada setiap Sabtu, kita mempunyai bufet minum petang dengan harga RM88 (dewasa), RM68 (warga emas) serta RM48 (kanak-kanak) selain bufet makan malam berharga RM128 (dewasa), RM98 (warga emas) dan RM78 bagi kanak-kanak," jelasnya lagi. **WK**



PENGUNJUNG juga boleh menikmati pelbagai promosi yang ditawarkan seperti pakej berbulan madu di Hotel Zenith, Putrajaya dan menganjurkan pelbagai majlis seperti mesyuarat, parti hari lahir dan majlis perkahwinan.

PERADUAN MEWARNA PM164



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM164".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **20 MEI 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 166.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



TEKA SILANG KATA SK164

**MELINTANG**

1. Tempat ibadat
5. Proses pembersihan kuman
6. Air masin
9. Wira
10. Sawah

KE BAWAH

1. Memerlukan penyelesaian
2. Sejenis buah
3. Isi
4. Teguran
7. Berlainan
8. Tempat mengisi

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK164".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **20 MEI 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 166.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

BaKaT CiLiK

Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

Cuba cari 10 perbezaan di antara 2 gambar di bawah:



Rindu
Melancong?



**PAKEJ CUTI
PENJAWAT AWAM
& PESARA KERAJAAN**

Dapatkan pakej-pakej menarik
dengan harga berpatutan
di laman web Tourism Malaysia
www.malaysia.travel



IMBAS SEKARANG!



Bagaimana anda boleh mendapatkan pakej ini?



1. Imbas QR CODE yang tertera

2. Pilih

#PAKEJCUTIPENJAWATAWAM



Pembeli hendaklah menunjukkan kad pekerja / kad pesara
sebagai bukti semasa pembelian pakej dijalankan.



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

TOURISM
MALAYSIA®

Ikuti kami:



Penduduk bersyukur rai Aidilfitri dengan orang tersayang

Sambutan Hari Raya meriah di Labuan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

WARGA Labuan meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini dengan penuh kesyukuran dapat bertemu keluarga dan sanak saudara.

Setelah dua tahun tidak meraih raya seperti dahulu susulan pandemik COVID-19 yang telah melanda negara. Namun sambutan Aidilfitri tahun ini kita dapat merasai semula kemeriahannya setelah kerajaan telah membenarkan sambutan Aidilfitri disambut oleh semua golongan rakyat.

Noortirani Guspi, 28, berkata, sambutan Aidilfitri tahun ini adalah yang dinanti-nantikan setelah dua tahun tidak dapat meraihnya bersama keluarga di kampung halamannya Sandakan, Sabah.

Jelasnya, dengan kelonggaran oleh kerajaan bagi membenarkan

sambutan Aidilfitri pada tahun ini amat dihargai oleh semua rakyat.

“Tiada kata dapat diungkapkan selain bersyukur kepada Ilahi kerana tahun ini kita semua dapat menyambut Aidilfitri bersama keluarga tersayang dan kita semua dapat balik kampung halaman bertemu kedua orang tua kita,” katanya ketika dihubungi Wilayahku, baru-baru ini.

Bagi penduduk Kampung Tanjung Aru, Mohd Noor Mohd Salleh, 58, menyifatkan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini sangat berbeza dari tahun-tahun sebelumnya.

Katanya, sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini lebih meriah kerana kita sudah memasuki fasa peralihan ke endemik.

“Selain itu, tahun ini juga kita dapat berjumpa dengan ahli

keluarga dan sanak saudara yang berada di seberang lautan.

“Berbanding tahun-tahun sebelum ini, kita hanya duduk di rumah menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga terdekat sahaja kerana berada dalam tempoh pandemik.

“Saya juga bersyukur kerana keadaan sudah mula kembali seperti sediakala walaupun masih ada SOP yang perlu dipatuhi,” katanya.

Bagi Mohd Hazim Mohd Noor, 21, berkata, kerinduan terhadap kemeriahan hari raya Aidilfitri pada tahun-tahun sebelumnya kini terbalas kerana selama dua tahun meraihnya dengan sederhana susulan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, hari raya tahun ini kita semua diberi peluang beraya



NOORTIRANI



MOHD HAZIM



MOHD Noor sedang membuat persiapan dan menyalaikan cucul (pelita) bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri pada malam terakhir Ramadan.

bersama keluarga dan sanak saudara maka dengan itu kita sebagai umat Islam harus bersyukur atas peluang dan kesempatan yang diberikan oleh Ilahi.

“Dua tahun tidak dapat beraya

bersama keluarga di kampung amat menyedihkan namun raya tahun ini menjadi sinar baharu kepada kita semua kerana dapat meraikan Hari Raya Aidilfitri dengan meriah,” katanya. WK

MyBeras: 2,102 terima bantuan beras dari KWP, YWP selama lima bulan

SERAMAI 2,102 warga Labuan yang berdaftar E-Kasih bakal menerima bantuan beras menerusi program Bakul Makanan MYFood@Wilayah bermula April sehingga Ogos ini.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan, Mohd Dzulfaizal Ab Manan berkata, jumlah beras yang disumbangkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Yayasan Wilayah Persekutuan berjumlah lebih 10,000 kampit beras 10 kilogram (kg) yang diagihkan secara berperingkat dalam tempoh lima bulan.

“Setiap penerima akan menerima bantuan beras ini pada setiap bulan dan secara keseluruhan setiap penerima akan menerima bantuan beras 50 kg.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis penyerahan MyBeras Bakul Makanan MYFood@Wilayah kepada 2,102 penerima di Pusat Rekreasi Desa Tunas di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Labuan, Datuk Khalid Abd Ghani menzahirkan penghargaan kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim

di atas sumbangan yang diberikan kepada penduduk Labuan yang terkesan.

Katanya, dengan sumbangan tersebut jelas menunjukkan keprihatinan Menteri Wilayah Persekutuan bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik.

“Ini jelas menunjukkan warga Labuan tidak dipinggirkan dan kita yakin pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan meneruskan usaha baik ini bagi membantu warga wilayah yang terkesan,” katanya. WK



KHALID (tiga dari kiri) diiringi Dzulfaizal (dua dari kiri) menyampaikan bantuan beras 10kg kepada penerima pada Majlis Penyerahan Sumbangan itu di pusat rekreasi Desa Tunas di sini, baru-baru ini.



PENGURUSI MPPWP Zon Labuan, Dzulfaizal (tujuh dari kiri) bersama penerima sumbangan Ihy' Ramadhan KATARU. Turut hadir sama Pengarah JBS Labuan Syaffie April (enam dari kanan), Presiden MBL, Abdul Mutualib (lima dari kanan) dan Anas Syazwan, Pengurus KATARU (lima dari kiri).

MBL santuni golongan asnaf

MAJLIS Belia Labuan (MBL) mengagihkan sebanyak 200 pak bubar lambuk, 300 pak bubar kacang kepada golongan asnaf menerusi Program Santun Ramadan Belia Kitani, baru-baru ini.

Program itu turut mendapat kerjasama beberapa kelab di bawah badan gabungan MBL iaitu Kelab Belia Lubok Temiang, Kelab Belia Patau-Patau 1, Kelab Belia Kg Tanjung Aru, dan Kelab Belia Kg Bukit Kalam.

Presiden MBL, Abdul Mutualib Sahari berkata, program itu dijalankan sebanyak empat siri bermula 17 April sehingga 1 Mei lalu.

Katanya, selain agihan bubar lambuk dan bubar kacang pihaknya turut menyumbangkan duit raya, bakul makanan dan 50 barang asas keperluan dapur kepada asnaf.

“Setelah dua tahun berhadapan dengan pandemik COVID-19, akhirnya pada tahun ini MBL dapat melaksanakan program-program belia seperti


sebelum ini dan bermula Januari tahun ini sahaja, sebanyak 27 buah program untuk belia telah dilaksanakan,” katanya.

Sementara itu, Parlimen Belia Labuan merangkap Naib Presiden 2 MBL, Nazera Roslan berkata MBL sentiasa komited dalam melaksanakan program-program yang melibatkan belia dan pertubuhan di bawah gabungan MBL.


“Kita berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi membantu meringankan beban golongan asnaf di Labuan,” katanya.

Program itu turut mendapat sokongan daripada Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Bashir Alias yang telah menyumbangkan 40 barang asas keperluan dapur kepada asnaf.

Selain itu, turut menyokong program itu dijalankan iaitu Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan serta ketua-ketua kampung. WK



Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA
Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



50,000 naskah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Kehilangan ibu bapa, abang akibat COVID-19

Hidup sebatang kara, Parameswaran tabah hadapi ujian



SABRINA SABRE

KEHILANGAN semua ahli keluarga secara serentak sememangnya meninggalkan satu keperitan berganda dan berat ditanggung lebih-lebih lagi apabila kematian tersebut berpunca daripada penularan wabak COVID-19 yang mula menyerang negara sejak awal Mac 2020.

Hidup sebatang kara sekilip mata setelah kehilangan ayah, emak dan abang menjadikan **Parameswaran Kunaseigaran**, 35, hidup dalam perasaan kesal, sedih dan trauma tatkala dia masih berperang dengan Sindrom Long COVID-19 seperti kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti (*exertional dyspnea*), masalah kulit dan juga mental.

Perasaan sedih masih menyelubungi kerana tidak berpeluang bertemu ayah, emak serta abang pada saat-saat terakhir dan hanya dibenarkan melihat proses pengebumian daripada jauh sahaja.

"COVID-19 memang jahat sebab kita tak nampak dan saya sendiri sudah mengalaminya sehingga seluruh ahli keluarga tewas akibat wabak tersebut," katanya ketika dihubungi *Wilayahku* pada Selasa.

Berkongsi dengan wartawan *Wilayahku*, dia tidak menyangka akan kehilangan anggota keluarganya terutama abang dan ayah kerana mereka tidak mempunyai sebarang penyakit kronik.

"Sehingga kini saya tidak percaya mereka sudah tiada. Emak menghidap penyakit jantung tetapi abang dan ayah memang bersih rekod kesihatannya. Cuma pada ketika itu, kami semua belum menerima suntikan vaksin melainkan ayah sahaja yang sempat mengambil suntikan pertama.

"Masih terbayang dalam ingatan perbualan bersama mendiang ibu bertanyakan kenapa sudah lama tidak menghubunginya tetapi saya sama sekali tidak terasa dengan pertanyaannya kerana beliau tidak tahu keadaan saya sangat lemah waktu itu. Tak sangka itu adalah pertanyaan terakhir darinya."

"Walaupun rasa sedih dan terkilan tiada di sisi mereka saat akhir, saya reda dengan ketentuan Tuhan," luahnya dalam nada sebak.

Baginya, kehilangan mereka merupakan dugaan yang paling besar dalam hidupnya dan menganggap dia adalah punca mereka kena COVID-19.

"Sebenarnya pada 3 Jun tahun lalu saya mula mengalami simptom seperti



SELAIN berpuasa, Parameswaran turut melakukan persiapan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama jiran-jirannya.



AKTIVITI kesukarelawanan membantu dirinya bangkit semula setelah melalui episod hitam di dalam hidup.

demam, batuk, selesema, sakit tekak dan telah mendapatkan ubat di farmasi.

"Keesokan harinya suhu badan saya mula naik dan badan menggigil," ujarnya yang mendapatkan rawatan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM).

Tambahnya, doktor turut mencadangkan dia untuk membuat ujian *Polymerase Chain Reaction* (PCR) di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau klinik swasta berdekatan memandangkan dia menetap di kawasan Zon Merah.

"Pada 6 Jun, saya menerima panggilan daripada Pejabat Kesihatan Daerah sebelum diarah untuk ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS).

"Semasa di MAEPS, keadaan saya sangat lemah sehingga pengsan. Saya telah diberikan rawatan kecemasan dengan segera dan dipindahkan ke ruangan pemerhatian untuk tujuan pemantauan pasukan perubatan dengan lebih dekat.

"Selepas dua hari, keadaan saya bertambah merosot dan kadar oksigen semakin menurun. Tanpa berlengah, pasukan perubatan bertugas bergegas memasang alat bantuan pernafasan (oksigen) dan memindahkan saya ke Hospital Sungai Buloh untuk mendapatkan rawatan selanjutnya," ujarnya.

Ibarat mati hidup semula, Parameswaran meluahkan rasa syukur selepas disahkan bebas daripada virus berbahaya itu dan dibenarkan pulang ke rumah untuk menjalani rawatan pulih yang mengambil masa antara tiga hingga enam bulan.

KERINDUAN TIADA PENGHJUNG

TATKALA seluruh rakyat Malaysia berpusu-pusu pulang ke kampung

halaman dan membuat persiapan hari raya, pemuda berasal dari Cheras ini merindui kenangan manis bersama ahli keluarganya yang turut menyambut perayaan Aidilfitri setiap tahun meskipun berbangsa India.

"Setiap tahun kami akan menyambut perayaan ini dan turut melakukan aktiviti mengunjungi jiran, sanak-saudara dan kawan-kawan walau pun berlainan agama.

"Saya sangat merindui masakan emak pada setiap perayaan terutama Hari Raya Aidilfitri. Awal pagi lagi dia akan kejutkan saya untuk membantunya menghantar juadah hari raya kepada jiran-jiran. Sekarang semua itu hanya tinggal kenangan."

"Selalunya saya sambut dengan keluarga tetapi tahun ini pada hari raya pertama saya menyambutnya bersama kawan-kawan," ujarnya.

Dalam pada itu, Parameswaran menasihati orang ramai untuk mendapatkan vaksin sebagai perlindungan diri dan keluarga kerana menurutnya langkah tersebut adalah usaha bersama rakyat Malaysia dalam mengekang penularan COVID-19 daripada terus berleluasa.

"Walaupun setiap vaksin mempunyai kesan sampingan seperti kesakitan otot, demam atau sakit kepala, namun keadaan tersebut bukanlah satu petanda yang buruk. Sedikit ketidaksesuaian untuk hasil yang lebih baik."



PARAMESWARAN ketika ditempatkan di Hospital Sungai Buloh setelah kadar oksigennya turun secara mendadak.



PPj lancar Terminal QR Pay, sahut seruan kerajaan



AINI MAWAWI

PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj) menyahut seruan kerajaan dalam menggalakkan penggunaan transaksi tanpa sentuhan melalui pelancaran Terminal QR Pay bagi semua perkhidmatan pembayaran yang ada di PPj bermula 1 Mei lalu.

Menurut Pengarah Bahagian Anak Syarikat, Kawalan Kredit dan Hasil Jabatan Kewangan PPj, **Aminudin Abdul Hamid**, kaedah pembayaran tersebut melibatkan 15 pusat kutipan PPj termasuk kaunter van bergerak.

"Objektif utama kita adalah bagi mengurangkan penerimaan terlalu banyak wang tunai di pusat kutipan atas pelbagai faktor seperti keselamatan dan sebagainya selain menyahut seruan kerajaan."

"Selain kutipan yang melibatkan kompleks kejiranan seperti sewaan dewan,



AMINUDIN

penggunaan fasiliti dan sebagainya, kaedah ini juga diguna pakai secara meluas untuk perkhidmatan pembayaran PPj seperti cukai pintu, lesen dan sebagainya," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, pihaknya akan terus mengikuti peredaran masa dengan menyediakan platform transaksi digital bagi memudahkan pelanggan selain selari dengan peralihan masyarakat tanpa tunai menjelang 2025.

"Tak dinafikan kaedah ini semakin popular sejak negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini yang mana ketika itu pelbagai inisiatif telah dilancarkan kerajaan seperti pemberian e-dompet, pulangan tunai dan sebagainya bagi menggalakkan perbelanjaan digital.

"PPj sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menerajui pengurusan dan pembangunan perbandaran melalui tadbir urus dinamik dan berinovasi komited mempersembahkan yang terbaik



AMINUDIN (kanan) ketika pelancaran Terminal QR Pay di Presint 16. Turut sama Suhaila dan Nik Shukri.

selain tidak mahu ketinggalan dalam peredaran terkini," ujarnya lagi.

Katanya, kejayaan Terminal QR Pay bertitik tolak daripada usaha dan peranan penting yang

dimainkan oleh Naib Presiden Jabatan Keawangan, Suhaila Eleas dan Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Nik Shukri Nik Soh.

Antara lokasi yang

menyediakan Terminal QR Pay adalah Kompleks Kejiranan Presint 16, Taman Botani Presint 1, Pusat Pembelajaran Kejiranan Presint 9 dan Kompleks Futsal Taman Pancarona Presint 8. **WK**

Kadar pengangguran di Malaysia menurun, Putrajaya terendah

WILAYAH Persekutuan Putrajaya kekal memegang kadar pengangguran paling rendah untuk tempoh suku tahun pertama 2022 pada satu peratus, berdasarkan statistik terkini yang diterbitkan Jabatan Perangkaan pada 9 Mei lalu.

Ia diikuti oleh Pahang yang merekodkan kadar pengangguran 2.4 peratus dan Melaka pada tiga peratus.

Bagi suku pertama 2022,

kadar pengangguran di Malaysia menurun kepada 4.1 peratus, dengan bilangan penganggur menurun kepada 671,200 orang.

Kadar pengangguran tertinggi tahun lalu dicatatkan pada Julai iaitu sebanyak 4.8 peratus, melibatkan 778,200 penganggur.

Ketua Perangkawan, **Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin** berkata, menuju ke hadapan, fasa peralihan ke endemik dan pelonggaran sekatan, termasuk

pembukaan semula sempadan negara kepada umum dapat merangsang pemuliharaan ekonomi.

Tambahnya, aktiviti ekonomi dilihat semakin pulih terutamanya dalam industri pelancongan, sekali gus membolehkan lebih banyak permintaan terhadap tenaga buruh bagi memastikan pengoperasian aktiviti perniagaan berjalan lancar.

"Sementara itu, indikator perdagangan luar negeri bulanan bagi kedua-dua eksport dan import meningkat semula dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit bulan ke bulan pada Mac 2022.

"Krisis antarabangsa yang berterusan seperti perang Rusia-Ukraine telah mengganggu rantaian bekalan global, namun ia mungkin mempunyai kesan langsung yang minimum terhadap perdagangan Malaysia.

"Secara keseluruhan, ekonomi negara serta pasaran buruh akan semakin berkembang pada bulan-bulan yang akan datang berikutnya lebih banyak isyarat ekonomi positif yang ditunjukkan," katanya.



AKTIVITI ekonomi yang semakin pulih membuka peluang kepada orang ramai untuk bekerja.

PERTANDINGAN FOTOGRAFI PELANCONGAN PUTRAJAYA 2022

Produk Baru
PRODUK BARU
PELANCONGAN PUTRAJAYA
(GLAMPING, TANGGA PUTRAJAYA,
SANDY BEACH) & TARIKAN ALAM
SEMULA JADI

Senibina di Putrajaya
SENIBINA DI PUTRAJAYA (BANGUNAN, JAMBATAN,
MONUMEN, DATARAN & TERMASUK
PENCAHAYAAN MALAM)

HADIAH PERTANDINGAN
MENGIKUT TEMATIK
JUARA 1 X RM4,000
N. JUARA 1 X RM2,000
KETIGA 1 X RM1,000
SAGUHATI 5 X RM200
HADIAH KESELURUHAN
RM 20,000

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi :
SEKRETARIAT PERTANDINGAN
FOTOGRAFI PELENCONGAN PUTRAJAYA,
Unit Pelancongan, Bahagian Komunikasi
Korporat, B7, Kompleks PPj,
Tel: +603 8887 7583
Email: daliah@ppj.gov.my
Tel: +6011 2082 1960 (En. Hatta)-NEST
Email: ptpc2022@gmail.com

HADIAH PERTANDINGAN
SILA LAYARI :
website : www.ppj.gov.my
facebook : [permabadanputrajaya](https://www.facebook.com/permabadanputrajaya)
[putrajayatourismphotoccontest](https://www.facebook.com/putrajayatourismphotoccontest)
Instagram : [@ptpc2022](https://www.instagram.com/permabadanputrajaya)

PENYERTAAN ADALAH PERCUMA

Fokus Sukan Komanwel 2022

Yan Yee teruja bolot dua emas di Vietnam

AINI MAWAWI

SEJURUS berjaya merangkul dua pingat emas pada Sukan SEA Vietnam 2021 minggu ini, penerjun senior, Wendy Ng Yan Yee, 29, mahu mengalihkan tumpuan kepada temasya Sukan Komanwel Birmingham 2022 yang bakal berlangsung dari 28 Julai hingga 8 Ogos akan datang.

Biarpun masih belum melalui sesi pemilihan, namun Yan Yee berharap dia terpilih untuk mewakili Malaysia sekali gus mencipta kejayaan yang manis dengan merangkul pingat emas pada temasya tersebut.

"Sebagai senior saya gemira dan bersyukur kerana berjaya menyumbang dua pingat emas pada Sukan SEA kali ini dan saya berbangga kerana menamatkan saingan dengan penuh bergaya," ujarnya ketika dihubungi Wilayahku.

Yan Yee teruja apabila berjaya menambah koleksi pingat emas peribadi yang



kedua dalam kategori 3 meter (m) papan anjal individu wanita sekali gus berjaya menghadirkan pingat emas kelima buat negara.

Kejayaan tersebut diperoleh selepas gandingannya bersama Ong Ker Ying berjaya mengungguli acara 3m papan anjal seirama yang berlangsung di Pusat Akuatik My Dinh, Hanoi awal minggu ini.

"Sebagai seorang senior sejurnya saya berasa bangga kerana dapat menggalas tanggungjawab dengan baik dan seterusnya gandingan kami dapat menyumbang pingat emas kepada negara," ujarnya.

Kata atlet Wilayah Persekutuan ini lagi, selepas ini dia akan menumpukan sepenuh perhatian kepada temasya Komanwel dan Kejohanan Dunia yang akan datang berbaki beberapa bulan sahaja lagi.

"Setelah sekian lama kita berada dalam pandemik COVID-19 dan banyak kejohanan yang terpaksa ditunda jadi pel-



YAN YEE sejurus berjaya menyumbang emas kelima buat negara.

Pencapaian Yan Yee

2018 – Kejohanan Asia – Pingat Perak

2016 – FINA Diving Grand Prix – Pingat Emas

2012 – Olimpik London – Tempat ke-24

Kerjasama strategik MSWP-UKM tingkat kepentingan pendidikan dalam kalangan atlet

MAJLIS Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) telah membangunkan satu program, WiPers ACE bagi memastikan kebijakan atlet di bawahnya.

WiPers ACE bermaksud Wilayah Persekutuan Athlete, Career and Education Program.

Pengerusinya, **Datuk Ramlan Askolani** berkata, program tersebut bertujuan untuk menjaga kebijakan atlet serta memberi sokongan tambahan kepada atlet Wilayah Persekutuan dalam tiga bidang utama iaitu pendidikan, kerjaya dan kebijakan.

"Di bawah cabang Pendidikan di dalam WiPers ACE, MSWP menyediakan peluang untuk mengadakan siri taklimat, ceramah, bengkel dan kursus kepada para atlet bagi mempersiapkan diri mereka untuk menyambung pengajian di peringkat diploma mahupun ijazah," katanya ketika berucap dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama (MoA) antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan MSWP di Bangi pada Selasa.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Pengerusi MSWP, Tan Sri Mohamad Noor Abdul Rahim.

Hadir sama Naib Canselor UKM, Prof Datuk TS Dr Mohd Ekhwan Toriman dan Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri.

Ramlan berkata, pihaknya sebelum ini telah menandatangani MoU dengan lima buah Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) tempatan yang terdiri daripada tiga buah Institusi Pengajaran Tinggi Awam (IPTA) dan dua Institusi Pengajaran Tinggi Swasta



TAN Sri Mohamad Noor Abdul Rahim (dua kiri) yang mewakili Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menandatangai memorandum persefahaman (MoU) dengan Naib Canselor UKM, Prof Datuk TS Dr Mohd Ekhwan Toriman pada Selasa.

(IPTS).

"Program tersebut adalah selari bagi memenuhi matlamat untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pendidikan dalam kalangan atlet WiPers dan perjanjian kerjasama bersama UKM sebagai Rakan Strategik MSWP dapat membantu memastikan kebijakan dan masa depan atlet WiPers dibela," katanya.

Dalam pada itu, menjelang temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang bakal berlangsung pada September ini, Ramlan berkata, pihaknya sudah mengatur pelbagai persediaan ter-

masuklah kem latihan bagi atlet WiPers untuk memastikan misi menduduki kedudukan tiga terbaik bagi kutipan keseluruhan pingat bakal menjadi kenyataan.

"MSWP juga sudah memutuskan untuk menjalankan tiga Fasa Kem Latihan Atlet Wilayah Persekutuan 2020 atau dikenali dengan KLAS 2022 untuk diadakan di UKM bermula hujung bulan ini.

"Kami mengharapkan sokongan dan kerjasama yang erat daripada semua pihak dalam memastikan KLAS 2022 berjalan lancar dan mencapai matlamat yang diharapkan kelak," ujarnya. WK

Vietnam akan pastikan Sukan SEA berjalan lancar

VIETNAM tuan rumah Sukan SEA ke-31, akan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan temasya dwitahunan itu berjalan lancar, selepas tertunda setahun akibat pandemik COVID-19, kata Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Nguyen Van Hung.

Nguyen, yang juga Ketua Jawatankuasa Pengangur Sukan SEA ke-31 dan Presiden Jawatankuasa Olimpik Vietnam, berkata Vietnam cuba sedaya upaya untuk memastikan temasya itu berlangsung tanpa sebarang gangguan.

"Amat sukar untuk menganjurkan Sukan SEA kali ini kerana cabaran COVID-19. Kami cuba yang terbaik, dan dengan sokongan semua orang, kami berharap dapat menganjurkan temasya ini dengan jayanya," katanya ketika melawat Pusat Media Utama (MPC) di Pusat Konvensyen Nasional Vietnam.

Beliau turut mengambil kesempatan untuk bertanya khabar dan mendapatkan maklum balas daripada petugas Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) yang membuat liputan Sukan SEA, diketuai Editor Sukan, Elmi Rizal Elias semasa lawatan itu.

Ini merupakan kali kedua Vietnam menganjurkan Sukan SEA, selepas kejayaan edisi 2003. - BERNAMA





Yan Yee teruja bolot dua emas di Vietnam ►►23

PBT kaji laluan khas kenderaan mikromobiliti

SABRINA SABRE

PIHKAN berkusa tempatan (PBT) di tiga Wilayah Persekutuan (WP) digesa untuk membuat kajian terperinci dalam menyediakan kemudahan infrastruktur bagi menyokong penggunaan kenderaan mikromobiliti.

Menurut Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** jalan alternatif khas perlu diwujudkan buat semua pengguna kenderaan mikromobiliti seperti mana terdapat laluan khas untuk motosikal, basikal dan pejalan kaki.

“Apapun ia memerlukan kajian menyeluruh terlebih dahulu sebelum cadangan tersebut diimplementasi di Wilayah Persekutuan,” katanya menurusi hantaran di Facebook.

Dalam pada itu, Jalaluddin berkata tindakan kerajaan melarang kenderaan mikromobiliti dari digunakan di atas jalan berkuat kuasa serta-merta adalah amat tepat.

“Antara kawasan yang memiliki kadar penggunaan tinggi terhadap kenderaan mikromobiliti ini adalah WP Kuala Lumpur.

“Di Putrajaya dan Labuan juga tidak terkecuali, ramai yang memilih menggunakan kenderaan jenis *Moped* yang mempunyai 2/3 roda dengan punca kuasa dari sumber elektrik untuk bergerak ke tempat kerja dan lain-lain destinasi,” tambahnya.

Jelasnya, larangan mengikut



PENGGUNAAN kenderaan mikromobiliti di atas jalan adalah membahayakan bukan sahaja kepada pengguna kenderaan tersebut, malah kepada pengguna jalan raya yang lain.

Kaedah-Kaedah Lalu Lintas (Larangan Penggunaan Kenderaan Mobiliti Tertentu) 2021 itu bertujuan menghindari dari bahaya kepada pengguna.

“Dengan keadaan jalan raya yang sering mengalami kadar penggunaan yang tinggi saban hari, maka kenderaan sebegini mampu menjemput risiko kejadian di jalan raya.

“Tindakan ini bukanlah tanda tidak menyokong penggunaan kenderaan jenis tersebut, namun ia bertujuan menyelamatkan nyawa para pengguna secara keseluruhannya,” ujarnya.

Beliau juga berharap pengguna jalan raya di WP untuk terus mengamalkan sikap berhemah dan kekal mematuhi peraturan jalan raya demi kesejahteraan bersama.

Sementara itu, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Menteri Pengangkutan Mike Chong Yew Chuan berkata larangan penggunaan kenderaan mikromobiliti hanyalah di atas jalan raya dan bukanlah larangan secara menyeluruh.

“Orang awam masih boleh menggunakan kenderaan tersebut, tetapi hanya di tempat-tempat yang dikhaskan yang akan ditentukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak PBT,” katanya.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong pada 26 April lepas mengumumkan kenderaan mikromobiliti seperti *Moped*, *Personal Mobility Devices* (PMD) dan *Personal Mobility Aids* (PMA) dilarang digunakan di atas jalan raya awam. WK

KWP rai petugas barisan hadapan sempena Syawal

SEBANYAK 1000 kotak makanan telah diagihkan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) bersempena Program Sumbangan Kotak Makanan Aidilfitri, baru-baru ini.

Sumbangan tersebut disampaikan sendiri oleh Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar.

Sumbangan tersebut diberikan kepada para petugas HKL dan pesakit bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Ia bagi meraikan barisan hadapan yang senantiasa bersedia untuk berkhidmat ketika insan lain pulang ke kampung halaman masing-masing sempena bulan Syawal.

Program tersebut turut mendapat kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Yayasan Kaseh Kanser dan Kronik (YKKK). WK



ROSIDA (dua kanan) menyampaikan sumbangan kotak makan Hari Raya Aidilfitri kepada petugas dan pesakit di HKL, baru-baru ini.

Aliff Syukri, Vida risau rakyat terbeban

DEEL ANJER

DI saat keadaan ekonomi yang meruncing akibat pandemik COVID-19 yang berterusan hampir dua tahun, isu kenaikan harga keperluan asas kembali menjadi ‘mimpi ngeri’ kepada rakyat. Kenaikan mendadak harga barang asas terutamanya seperti ayam, ikan, sayur dan sebagainya memberikan kesan yang begitu besar buat mereka.

Situasi ini tentunya memberi tekanan besar kepada orang ramai yang perlu bergelut untuk menurunkan kehidupan masing-masing terutama yang mempunyai tanggungan besar dalam keluarga.

Justeru, ramai yang meluahkan kebimbangan jika keadaan tersebut berterusan sekali gus meneroka rakyat.

Turut merasai tempias tersebut, selebriti yang juga ahli perniagaan

terkenal, **Datuk Seri Aliff Syukri** berkongsi perasaan risaunya terhadap kesan kenaikan harga barang.

“Saya juga dapat rasakan kenaikan harga barang keperluan asas yang amat mendadak seperti ikan, ayam, buah-buahan dan sebagainya.

“Walau apapun saya yang dikategorikan sebagai orang senang pun terasa dengan perubahan ini apatah lagi yang berpendapatan rendah mahupun sederhana yang pasti tertekan dengan situasi tersebut.

“Bayangkan, bagaimana mereka nak teruskan kehidupan sedangkan mereka perlu ‘berjaga-jaga’ setiap kali membeli keperluan asas yang wajib dibeli. Saya pun berkira-kira untuk membeli belah terutamanya barang basah,” ujarnya.

Katanya lagi, dia tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak cuma meluahkan perasaan sebagai rakyat yang turut terkesan dengan situasi harga barang yang melambung tinggi.

Selain Aliff Syukri, ahli perniagaan wanita yang kini bergelar penyanyi, **Datuk Seri Vida** juga turut bersympati dan mahu membantu rakyat dalam mengharungi situasi getir ini.

“Sekarang kita sedang berada dalam fasa pemulihan ekonomi disebabkan pandemik COVID-19 sebelum ini. Bila dah masuk fasa endemik ini, ekonomi mula menaik dan sedang menuju fasa perubahan gaya hidup. Ini termasuklah berlakunya perubahan keperluan.

“Perubahan ini menyebabkan kedai-kedai tidak dikunjungi sangat sekarang. Pusat beli-belah pun sunyi kecuali hendak menjelang hari raya. Lepas tu kembali sunyi. Jadi perlu ada perancangan dari segi pengawalan pendapatan dan bagaimana nak menjana pendapatan.

“Kena cari jalan. Insya-Allah saya sebagai orang lama dalam perniagaan, ada cara untuk membantu rakyat,” ujarnya. WK

ALIFF SYUKRI